قليتا بروني

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*


**MANISNYA IMAN** مانيسڽ ايمان

**DARIPADA Abu Hurairah Radiallahuanhu berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Maksudnya : Sesiapa yang tidak menghormati (menyayangi) orang lain, tidak akan dihormati (disayangi)".**
**- Al-Bukhari : 5997.**

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.48 | SUBUH 4.58 | SYURUK 6.22 | DUHA 6.46 | ZUHUR 12.18 | ASAR 3.40 | MAGHRIB 6.12 | ISYAK 7.27
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit


TAHUN 69 BILANGAN 152 | 18 DISEMBER 2024 / 1446 جمادي الأخير 16 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA


# BERKENAN HANTAR TITAH PERUTUSAN TAHNIAH





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada His Highness Sheikh Tamim bin Hamad Al Thani, Amir Qatar; Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri Qatar, His Excellency Sheikh Mohammed bin Abdulrahman bin Jassim Al Thani.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 18 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada His Highness Sheikh Tamim bin Hamad Al Thani, Amir Qatar; Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri Qatar, His Excellency Sheikh Mohammed bin Abdulrahman bin Jassim Al Thani dan kerajaan serta rakyat Qatar sempena Hari Kebangsaan Qatar.

## KKBS rangka strategi Tahun Kewangan 2025/2026 berpandukan peningkatan usaha 3P

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**

**TANAH JAMBU**, Isnin, 16 Disember. - Dalam usaha untuk membangunkan masyarakat yang cemerlang dan sejahtera, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) merangka strategi bagi Tahun Kewangan 2025/2026 dengan berpandukan kepada peningkatan usaha Pengupayaan, Pemerkasaan dan Penglibatan (3P) masyarakat secara inklusif.

Pendekatan ini tidak hanya bersifat menyeluruh, tetapi juga responsif terhadap keperluan semasa dan masa hadapan, serta mengambil kira kepada peningkatan tahap (*scalable*) dan kemampanan (*sustainable*).

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad menyatakan perkara tersebut dalam mukadimah pada Sesi Muzakarah bersama Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Pusat Pembangunan Belia, Kampung Tanah Jambu, di sini.

**>> Muka 4**

## Perasmian Wad Obstetrik dan Ginekologi JPMC baharu

**Siaran Akhbar : Pusat Perubatan Jerudong Park**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 16 Disember. – Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) dengan bangganya mengumumkan pembukaan Wad Obstetrik dan Ginekologi yang baru diubah suai, terletak di Aras 3, hari ini.

Perasmian tersebut telah disempurnakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Pengerusi dan Pengarah Eksekutif JPMC.

Atur cara dimulakan dengan bacaan doa. Sejurus selepas upacara perasmian, Yang Berhormat seterusnya dijemput untuk meninjau ke wad baharu tersebut.

**>> Muka 3**

## BEDB teroka peluang potensi ekonomi Daerah Belait

**Siaran Akhbar : Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei**

**BELAIT,** Isnin, 16 Disember. - Peluang untuk membangunkan potensi ekonomi Daerah Belait menjadi fokus perbincangan Dialog Meja Bulat kali pertama Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) dengan komuniti perniagaan Belait.

Acara yang diadakan di Grand Ballroom, Hotel V Plaza itu menghimpunkan 30 wakil perniagaan terkemuka dari daerah berkenaan untuk melibatkan diri dengan BEDB dan agensi-agensi kerajaan utama.

Sesi itu diketuai oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Pengerusi BEDB.

"Sesi dialog ini memberi peluang kepada kami untuk berkongsi idea dan menunjukkan komitmen kami untuk bekerjasama ke arah menambah baik persekitaran perniagaan di Daerah Belait bagi memacu potensi ekonominya," jelas Yang Berhormat semasa berucap pada sesi berkenaan.

**>> Muka 3**


IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN

Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei


## Berita Utama



**26 keluarga mangsa bencana terima sumbangan YSHHB**

**Muka 5**




**USAHA tangani isu, cabaran berkaitan pendidikan guru**

**Muka 6**



**MANFAATKAN cuti sekolah sebaiknya**

**Muka 9**



RENCANA

**KEMERIAHAN cuti sekolah hujung tahun dipenuhi pelbagai aktiviti menarik**

**Muka 21**

ڤليتا بروني PELITA BRUNEI

# Setiap rakyat perlu miliki pemikiran, mentaliti positif dan bertanggungjawab



**MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman berucap pada Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Kali Ke-41 pada Selasa, 8 Jamadilakhir 1446 Hijrah bersamaan 10 Disember 2024 Masihi bertempat di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam, Jalan Tungku Link, Gadong.**

**Bismillahir Rahmanir Rahim,
Alhamdullilahi Rabbal 'Alamin,
Wassalatu Wassalamu 'Ala Ashrafil Anbiya'e Wal Mursalin,
Sayyidina Muhammadin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajmai'in,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera**

**ALHAMDULLILAH,** bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin serta limpah rahmat dan hidayah-Nya jua, kita semua dapat bersama-sama hadir di Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Kali Ke-41 pada petang ini.

Marilah kita merafakkan setinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana telah mengurniakan titah perkenan untuk *abiskita* menjadi rakyat baginda secara pendaftaran sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Taraf Kebangsaan, Penggal 15.

Kita selaku rakyat dan penduduk di negara ini perlu bersyukur mempunyai 'raja yang berjiwa rakyat', 'raja yang pemeduli' dan 'raja yang penyayang' yang sentiasa *mengelinga* dan prihatin terhadap rakyat dan penduduk di negara ini. Sikap kasih sayang baginda terhadap rakyat dan penduduk tidak pernah luntur, malah sentiasa menekankan perjuangan agama, kemajuan ekonomi dan pendidikan, penyediaan infrastruktur dan kemudahan awam dan banyak lagi, demi kesejahteraan rakyat dan penduduk baginda.

Alhamdulillah, Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan adalah kedua kalinya diadakan dalam tahun 2024. Sudah setentunya, majlis hari ini merupakan hari yang penuh bermakna dan istimewa bagi semua penerima Sijil Taraf Kerakyatan. Para penerima sijil terdiri dari pelbagai latar belakang, umur, agama, bangsa. Proses untuk mendapatkan Taraf Kerakyatan Brunei adalah berpegang kepada prinsip keadilan tanpa diskriminasi dan berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan di bawah Akta Taraf Kebangsaan Brunei, Penggal 15 serta peraturan-peraturan yang berkuat kuasa pada masa ini.

Tidak lama lagi, kita akan menyambut Tahun Baharu Masihi 2025 dan Negara Brunei Darussalam akan mencapai 41 tahun kemerdekaannya. Dengan berkat kepimpinan raja yang kita sayangi, negara kita telah berjaya mencapai kemajuan dan kejayaan sehingga dikenali di persada dunia. Kepimpinan bijaksana baginda juga telah berjaya membentuk masyarakat berbilang agama dan bangsa yang hidup dalam suasana aman, damai dan harmoni, sejahtera dan saling menghormati. Pendidikan, sama ada secara formal atau tidak formal, memainkan peranan penting dalam membentuk akal atau minda, sikap dan karakter seseorang berdasarkan nilai-nilai yang termaktub di dalam falsafah negara iaitu Melayu Islam Beraja (MIB).

Titah baginda semasa pemasyhuran kemerdekaan terus menjadi panduan utama dalam menentukan hala tuju negara, mengingatkan kita bahawa kemerdekaan bukan sekadar untuk diraikan tetapi sebagai pemangkin untuk terus menyumbang kepada pembangunan negara. Peranan kita sebagai warganegara amat penting, terutama dalam usaha bersama mencapai Wawasan Brunei 2035.

Untuk merealisasikan Wawasan Brunei 2035, setiap rakyat perlu memiliki pemikiran yang betul dan mentaliti yang positif. Pemikiran yang betul ini bermaksud memahami peranan kita sebagai rakyat yang bertanggungjawab, sentiasa bersedia untuk berubah ke arah yang lebih baik serta terbuka kepada kemajuan. Dengan mentaliti ini, kita dapat bersama-sama menyokong matlamat negara untuk menjadi sebuah negara yang dikenali dengan rakyat yang berpendidikan tinggi, kualiti hidup yang baik, dan ekonomi yang mampan.

Dalam era globalisasi yang semakin pantas berubah, pendidikan dan pembangunan modal insan kekal menjadi keutamaan negara. Rakyat yang berkemahiran tinggi, berdaya tahan dan inovatif amat diperlukan untuk terus bersaing dan menyumbang kepada pembangunan negara. Selain daripada kemahiran teknikal, nilai-nilai seperti disiplin, kreativiti dan sikap positif juga amat penting dalam membentuk modal insan yang berkualiti tinggi. Dalam erti kata lain, pembangunan negara memerlukan usaha bersepadu, strategik, dan berterusan di semua peringkat iaitu daripada dasar kerajaan hingga inisiatif masyarakat. Peranan individu, keluarga, dan institusi pendidikan juga tidak kurang pentingnya dalam menanamkan asas nilai, kemahiran, dan semangat inovasi. Pada masa yang sama, kerjasama antara pihak kerajaan, sektor swasta dan masyarakat bukan sahaja penting tetapi perlu diperkukuh melalui *smart partnerships*, inisiatif bersama dan sokongan berterusan. Ini adalah kunci untuk membina negara yang kukuh, progresif dan mampu menghadapi cabaran global dengan penuh yakin.

Sebelum mengakhiri ucapan pada petang ini, sekali lagi peramba / saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para penerima Sijil Taraf Kerakyatan. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga peramba / saya tujukan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan majlis pada petang ini. Semoga apa jua bentuk sumbangan, khidmat bakti dan pengorbanan yang telah dicurahkan itu akan mendapat keredaan dan ganjaran yang sebaik-baiknya dari Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Sekian. *Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

## WAKTU SEMBAHYANG

| DISEMBER MASIHI | HARI | JAMADILAKHIR HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 18 | RABU | 16 | 4.48 | 4.58 | 6.22 | 6.46 | 12.18 | 3.40 | 6.12 | 7.27 |
| 19 | KHAMIS | 17 | 4.49 | 4.59 | 6.22 | 6.46 | 12.18 | 3.40 | 6.12 | 7.27 |
| 20 | JUMAAT | 18 | 4.49 | 4.59 | 6.23 | 6.47 | 12.19 | 3.41 | 6.13 | 7.28 |
| 21 | SABTU | 19 | 4.50 | 5.00 | 6.23 | 6.47 | 12.19 | 3.41 | 6.13 | 7.28 |
| 22 | AHAD | 20 | 4.50 | 5.00 | 6.24 | 6.48 | 12.20 | 3.42 | 6.14 | 7.29 |
| 23 | ISNIN | 21 | 4.51 | 5.01 | 6.24 | 6.48 | 12.20 | 3.42 | 6.14 | 7.29 |
| 24 | SELASA | 22 | 4.51 | 5.01 | 6.25 | 6.49 | 12.21 | 3.43 | 6.15 | 7.30 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 33 / 25 °C | 33 / 25 °C | 33 / 25 °C |
| Pekan Bangar | 33 / 25 °C | 33 / 25 °C | 33 / 25 °C |
| Pekan Tutong | 33 / 25 °C | 33 / 25 °C | 33 / 25 °C |
| Kuala Belait | 33 / 25 °C | 33 / 25 °C | 33 / 25 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 18 DISEMBER 2024

### Hargai pengorbanan ibu bapa

**MENYEDARI** pengorbanan yang dilakukan oleh ibu bapa adalah satu langkah penting ke arah menghargai peranan mereka dalam kehidupan kita. Ibu bapa sering mendedikasikan masa dan sumber yang tidak terkira banyaknya untuk memastikan kesejahteraan anak-anak mereka dan kadang-kadang dengan mengorbankan keinginan dan cita-cita mereka sendiri. Sebagai contoh, ramai ibu bapa bekerja berbilang pekerjaan atau melupakan kemewahan peribadi supaya anak-anak mereka mendapat peluang yang lebih baik dalam hidup. Dengan memahami dan menghargai sejauh mana pengorbanan ibu bapa, kita boleh memupuk hubungan emosi yang lebih mendalam dan menghormati mereka. Ini boleh meletakkan asas untuk ikatan kekeluargaan yang lebih kukuh.

Membina ikatan kekeluargaan yang lebih kukuh melalui rasa syukur boleh meningkatkan kesihatan emosi seluruh keluarga. Apabila rasa syukur diluahkan, ia mewujudkan suasana positif yang memupuk kebahagiaan dan mengeratkan hubungan. Tindakan penghargaan yang mudah, seperti berterima kasih kepada ibu bapa atas sokongan mereka atau meluangkan masa berkualiti bersama, boleh mengeratkan hubungan dan menggalakkan komunikasi terbuka. Melibatkan diri dalam aktiviti kekeluargaan harian seperti makan malam sekeluarga atau mengadakan malam permainan, juga boleh memberi peluang untuk menyatakan rasa terima kasih dan kasih sayang. Momen yang dikongsi ini bukan sahaja mencipta kenangan yang berkekalan tetapi juga menyumbang kepada struktur keluarga yang berdaya tahan, di mana ahli berasa dihargai dan disokong. Akhirnya, memupuk persekitaran penghargaan membawa kepada dinamik keluarga yang lebih sihat dan sejahtera.

Kesan penghargaan terhadap kesejahteraan ibu bapa adalah mendalam dan meluas. Apabila anak-anak melahirkan rasa syukur, ia bukan sahaja memberi impak positif kepada keadaan emosi ibu bapa tetapi juga menggalakkan kesihatan mental mereka. Kajian telah menunjukkan bahawa rasa terima kasih yang dirasakan dalam hubungan ibu bapa dan anak boleh membawa kepada peningkatan kebahagiaan dan tahap tekanan yang lebih rendah untuk ibu bapa. Hubungan timbal balik ini adalah penting; apabila ibu bapa berasa lebih dihargai, mereka mungkin akan melabur lebih banyak lagi dalam pertumbuhan dan perkembangan anak-anak mereka. Untuk ibu bapa yang sudah berumur, mereka setentunya akan menghargai apabila kita lebih meluangkan masa dengan mereka atau merancang untuk membawa mereka beriadah atau bercuti sama-sama dan apabila mereka kurang sihat, menunggu dan menemani mereka akan membuat mereka gembira dan bersyukur yang mereka itu masih disayangi dan dipeduli.-**Ketua Penyuntingan (Nr)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam




# PERUTUSAN TAHNIAH PELANTIKAN YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH KE-11

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 17 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Tun Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima Haji Musa bin Haji Aman berikutan dengan pelantikannya sebagai Yang di-Pertua Negeri Sabah Ke-11 baru-baru ini.

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Tun Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima Haji Musa bin Haji Aman.**

# Perasmian Wad Obstetrik dan Ginekologi JPMC baharu



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan selaku Pengerusi dan Pengarah Eksekutif JPMC hadir pada pembukaan Wad Obstetrik dan Ginekologi yang baru diubah suai, terletak di Aras 3 (atas dan atas kanan).**



**Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Perubatan Jerudong Park**

**>> Muka 1**

Pengubahsuaian meluas yang disiapkan selama beberapa bulan, memperkenalkan kemudahan perubatan terkini, penginapan pesakit yang dipertingkatkan dan persekitaran moden yang mesra direka untuk menggalakkan kesejahteraan keseluruhan. Peningkatan utama menampilkan mandian air untuk pengurusan sakit bersalin, peralatan perubatan canggih, tambahan Bilik Deluxe dan ruang khusus untuk penjagaan pranatal dan selepas bersalin, semuanya direka untuk memberikan kesan positif kepada pengalaman pesakit terhadap penjagaan kesihatan yang diberikan.

Pencapaian ini menandakan satu lagi langkah ke hadapan dalam misi berterusan JPMC untuk menyampaikan penjagaan kesihatan yang cemerlang untuk semua.

# BEDB teroka peluang potensi ekonomi Daerah Belait




**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II selaku Pengerusi Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei bergambar ramai pada Dialog Meja Bulat kali pertama Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei dengan komuniti perniagaan Belait.**

**>> Muka 1**

Dialog itu menyaksikan komuniti perniagaan Belait menyatakan keyakinan untuk bekerjasama dengan BEDB dan agensi kerajaan untuk menangani cabaran bersama dan membuka peluang untuk pertumbuhan ekonomi.

Cadangan utama termasuk mewujudkan ruang komersial perkongsian yang lebih mampu milik untuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) beroperasi secara kolektif, yang berpotensi menjadi tarikan kepada penduduk daerah dan pengunjung berhampiran.

"Kami tahu bahawa penduduk Belait mempunyai kuasa berbelanja, terutamanya dengan komuniti ekspatriat yang ketara di sini," ujar Pengarah Urusan ESCA Martine & Engineering, Masrhiem Taufik.

"Tetapi ruang komersial mungkin agak terhad dan mahal, jadi PMKS sering mengambil jalan keluar untuk menyewa unit kediaman atau menjalankan perniagaan dari rumah. Kami teruja untuk bekerjasama dengan BEDB bagi meneroka peluang-peluang seperti menggunakan semula bangunan yang kurang digunakan sebagai hab perniagaan untuk PMKS."

Sentimen yang sama juga disuarakan oleh Dannie Azzura bin Haji Abu Basrah, pengendali sebuah agensi hartanah, di mana beliau menekankan minat yang konsisten daripada pengusaha yang ingin membuka perniagaan di Daerah Belait, namun menyebut pilihan terhad sebagai penghalang.

"Sekarang kami mempunyai saluran dialog ini, saya yakin ini merupakan platform baharu untuk kami bekerjasama dengan BEDB dan kerajaan untuk membangunkan Daerah Belait kepada potensi yang kami tahu ada," jelasnya.

**Siaran Akhbar dan Foto : Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei**

Susulan daripada dialog tersebut, satu jamuan Networking Lunch telah diadakan untuk mengeratkan lagi hubungan dalam kalangan peserta.

Acara itu menarik penyertaan daripada pemain utama merentasi pelbagai sektor termasuk wakil daripada persatuan perniagaan.

Perbincangan tertumpu pada menangani cabaran kritikal dan mengenal pasti penyelesaian yang boleh diambil tindakan untuk menyokong pertumbuhan ekosistem komersial Daerah Belait.

BEDB menekankan komitmennya untuk memupuk platform untuk kerjasama dan inovasi, dengan matlamat memacu pertumbuhan yang mampan.

Penglibatan pihak berkepentingan dari Daerah Belait adalah sebahagian daripada inisiatif BEDB yang lebih luas untuk menjalankan dialog dengan sektor perniagaan yang berbeza.

BEDB menggalakkan para pengusaha untuk mendapatkan sokongan atau membangkitkan isu melalui *info@bedb.gov.bn*.

# KKBS RANGKA STRATEGI TAHUN KEWANGAN 2025/2026 BERPANDUKAN PENINGKATAN USAHA 3P

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

>> Muka 1

Menurut Yang Berhormat, fokus-fokus strategik yang akan diperkukuhkan dan dipertingkatkan ialah Pertama, Mengukuhkan Tadbir Urus dan Pengoperasian Yang Berkualiti, Efisien dan Efektif, yang bermatlamat untuk memastikan tadbir urus yang lebih telus, petugas dan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti, dan penggunaan sumber yang lebih tepat; Kedua, Meningkatkan lagi Program-program Menjana Belia Harapan Yang Berwawasan Sebagai Peneraju Pembangunan Negara, yang bermatlamat untuk pembentukan Belia yang bercalak Brunei, syumul, berdikari, berkemahiran tinggi, berwawasan dan berdaya saing; Ketiga, Meningkatkan lagi Program-program Memantapkan Pengukuhan Ekosistem Sukan Ke Arah Keinklusifan dan Kecemerlangan, yang bermatlamat untuk menggalakkan sukan untuk semua lapisan masyarakat, masyarakat yang lebih sihat, sejahtera dan cemerlang dalam bidang sukan.

Fokus keempat pula ialah meningkatkan lagi Program-program Pelestarian Budaya, Warisan dan Sejarah, yang bermatlamat untuk memelihara, memulihara dan melindungi warisan budaya supaya terus dilestari, dihargai dan dimanfaatkan oleh generasi kini dan akan datang dan fokus kelima, Meningkatkan lagi Program-program untuk Mengembang maju Masyarakat Cemerlang, Bersatu Padu, Resilien dan Pemedulian yang bermatlamat untuk memastikan kesejahteraan dan keharmonian sosioekonomi masyarakat dilihat secara holistik, serta memastikan setiap lapisan masyarakat terlibat secara aktif dalam usaha mencapai kesejahteraan dan pembangunan sosial yang berterusan.

"Fokus-fokus strategik dan inisiatif-inisiatif tersebut dibentuk dengan pendekatan yang berasaskan bukti dan amalan terbaik, bagi memastikan sumber yang diperlukan adalah bagi menghasilkan kualiti perkhidmatan dan program-program yang lebih berimpak", ujar Yang Berhormat.



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa berucap.**

Terdahulu dalam mukadimahnya, Yang Berhormat menyatakan bahawa KKBS sentiasa mengalu-alukan hubungan kerjasama rapat daripada semua pihak melalui Pendekatan Senegara atau Whole of Nation.

"Dalam hal ini, KKBS amat menghargai sepenuhnya usaha Yang Berhormat Ahli-ahli MMN selaku pemimpin akar umbi, suara dan telinga rakyat untuk sama-sama turun padang dalam memberikan impak dan sumbangan menerajui beberapa inisiatif yang mendukung usaha Kementerian ini," jelas Yang Berhormat.

# Sesi Muzakarah kongsi hala tuju fokus strategik KKBS



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bergambar ramai pada Sesi Muzakarah Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS). Manakala gambar bawah kiri dan bawah kanan, Yang Berhormat Ahli-ahli MMN berkesempatan membuat lawatan dan melihat beberapa kursus pembangunan kapasiti yang ditawarkan kepada belia dan komuniti di Pusat Pembangunan Belia.**

**TANAH JAMBU**, Isnin, 16 Disember. - Sesi Muzakarah Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) diadakan hari ini di Dewan Bina Diri, Pusat Pembangunan Belia (PPB), Kampung Tanah Jambu.

Antara objektif utama Sesi Muzakarah diadakan adalah untuk mewujudkan perbincangan dua hala yang bermanfaat dan produktif bagi semua pihak ke arah mencapai matlamat KKBS menuju kecemerlangan di samping berperanan sebagai wadah bagi kedua-dua pihak untuk saling bercambah fikiran ke arah memberikan nilai tambah dan kemanfaatan bersama.

Hadir dalam Sesi Muzakarah tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, selaku menjalankan tugas Setiausaha Tetap (Kesukanan) KKBS; Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari; Setiausaha Tetap (Kebeliaan) KKBS, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin; Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah serta ketua-ketua bahagian dan jabatan di bawah KKBS.

Sebelum Sesi Muzakarah dimulakan, Ahli-ahli MMN berkesempatan membuat lawatan dan melihat beberapa kursus pembangunan kapasiti yang ditawarkan kepada belia dan komuniti di PPB.

Sesi Muzakarah dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa daripada Pemangku Pengarah Muzium-muzium, Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus.

Sesi Muzakarah diteruskan dengan ucapan alu-aluan dan mukadimah daripada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, diikuti dengan taklimat mengenai pencapaian KKBS bagi Tahun Kewangan 2023/2024 serta hala tuju kementerian yang disampaikan oleh Pengiran Haji Mohd. Hasnan.

Seterusnya, ucapan balas daripada Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat selaku Ketua Rombongan Ahli-ahli MMN.

Sesi Muzakarah antara lain memaklumkan dan mengongsikan hala tuju fokus strategik KKBS yang akan diperkukuhkan dan dipertingkatkan melalui Pengukuhan Tadbir Urus dan Pengoperasian yang Berkualiti, Efisien dan Efektif; Penjanaan Belia Harapan yang Berwawasan sebagai Peneraju Pembangunan Negara; Pengukuhan Ekosistem Sukan ke Arah Keinklusifan dan Kecemerlangan; Peningkatan Pelestarian Seni, Budaya, Warisan dan Sejarah; dan Mengembang Maju Masyarakat Cemerlang, Bersatu Padu, Resilien dan Pemedulian.

Fokus-fokus strategik ini dibentuk bersandarkan pendekatan yang berasaskan bukti dan amalan terbaik sebagai upaya bagi memastikan dan menghasilkan kualiti perkhidmatan serta program-program yang lebih berimpak.





# 26 KELUARGA MANGSA BENCANA TERIMA SUMBANGAN YSHHB





YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir dan seterusnya menyampaikan sumbangan kepada para penerima (kiri dan kanan).

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 16 Disember. – Sumbangan kewangan keseluruhannya berjumlah BND49,500 disumbangkan oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) kepada 26 buah keluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran, rumah roboh dan bencana angin kencang di beberapa buah kampung di seluruh negara.

Mereka yang terlibat ialah enam buah keluarga yang ditimpa musibah kebakaran, tiga buah keluarga yang ditimpa musibah rumah roboh dan 17 buah keluarga yang ditimpa musibah angin kencang.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Sumbangan Kepada Mangsa-mangsa Kebakaran, Rumah Roboh dan Bencana Angin Kencang berlangsung di Dewan Serbaguna, Tingkat 4, Kompleks YSHHB di sini.

Kesemua sumbangan daripada YSHHB disampaikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad selaku Ahli Lembaga Pengarah dan Pengerusi Jawatankuasa Meneliti Bantuan YSHHB.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Ahli Lembaga Pengarah dan juga Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Penubuhan YSHHB merupakan wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat baginda iaitu sebagai tanda pemedulian dan kasih baginda kepada rakyat baginda, di samping menjadi pembentukan masyarakat di Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur.

YSHHB dari semasa ke semasa memberikan pemedulian terhadap golongan yang kurang bernasib baik seperti mereka yang terlibat dalam musibah seperti kebakaran rumah, rumah roboh dan bencana angin kencang.

Bantuan tersebut dilaksanakan bagi meringankan beban mangsa yang terlibat dalam meneruskan kehidupan harian mereka.




# Kedutaan Diraja Thailand hulur sumbangan



SUMBANGAN wang dan makanan asasi tersebut diserahkan oleh Puan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam kepada Penolong Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Noryani binti Haji Abdul Rani.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohammad Hasif Matzin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 16 Disember. - Kedutaan Diraja Thailand di Negara Brunei Darussalam (NBD) hari ini menyerahkan sumbangan kepada Kompleks Rumah Kebajikan, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) pada majlis yang berlangsung di Bangunan KKBS.

Sumbangan wang berjumlah BND1,000 dan makanan asasi tersebut diserahkan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke NBD, Puan Yang Terutama Boosara Kanchanalai kepada Penolong Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Noryani binti Haji Abdul Rani.

Sumbangan tersebut merupakan salah satu aktiviti kesukarelawanan yang dianjurkan oleh Kedutaan Diraja Thailand di NBD sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia King Bhumibol Adulyadej The Great, Hari Kebangsaan Kingdom of Thailand dan Hari Bapa Thailand.



Pelita Brunei

# LAWATAN SILATURAHIM ERAT HUBUNGAN PERSAUDARAAN



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Ketua Kampung Putat hadir mengalu-alukan ketibaan rombongan tersebut (atas), manakala gambar bawah kanan, lawatan ini bertujuan mempereratkan hubungan kekeluargaan dan persaudaraan dalam kalangan Ahli Takmir Masjid, Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Kampung Sungai Bunga serta masyarakat setempat.

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Ihsan Ahli Takmir Masjid dan Majlis Perundingan Mukim Putat**

**PUTAT**, Selasa, 17 Disember. - Seramai 26 orang Ahli Takmir Masjid dan Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Kampung Sungai Bunga baru-baru ini menyertai Lawatan Silaturahim ke Masjid Kampung Putat dan Taman Rekreasi Herba Kampung Putat.

Lawatan ini bertujuan mempereratkan hubungan kekeluargaan dan persaudaraan dalam kalangan Ahli Takmir Masjid, Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Kampung Sungai Bunga serta masyarakat setempat.

Hadir mengalu-alukan ketibaan rombongan tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, selaku Ketua Kampung Putat; Pemangku Imam Masjid Kampung Putat, Awang Afendi bin Haji Taha bersama-sama Ahli Takmir Masjid, Majlis Perundingan Kampung (MPK), Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Kampung Putat, dan penduduk kampung tersebut.

Antara agenda lawatan tersebut termasuklah Sembahyang Sunat Hajat, bacaan Ratib Al-Attas, bacaan Doa Peliharakan Sultan, diikuti dengan pembentangan sejarah masjid, aktiviti harian dan mingguan masjid, serta program Takmir Masjid bersama-sama MPK.

Lawatan diteruskan dengan Kempen Kebersihan Silaturahim, beramah mesra bersama penduduk kampung, dan diakhiri dengan lawatan ke Taman Rekreasi Herba Kampung Putat.

Menerusi lawatan ini, bukan sahaja hubungan kekeluargaan dipereratkan tetapi para peserta turut didedahkan kepada pelbagai aktiviti yang berguna dan bermanfaat.



# Usaha tangani isu, cabaran berkaitan pendidikan guru




MEWAKILI Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) ke mesyuarat dan persidangan berkenaan ialah Ra'es KUPU SB dan Pengarah Pusat Latihan dan Peningkatan Kompetensi KUPU SB, Dr. Kharhan bin Haji Jait (atas dan bawah).

**Siaran Akhbar dan Foto : Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 17 Disember. – Mesyuarat Ketua-ketua The Association of Southeast Asian Teacher Education Network (AsTEN) Ke-18 dan Persidangan AsTEN Ke-6 telah diadakan pada 12 hingga 14 Disember 2024, di Ho Chi Minh City, Viet Nam.

Mesyuarat dan persidangan dihoskan oleh University of Social Sciences and Humanities, Viet Nam. Mewakili Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) ke mesyuarat dan persidangan berkenaan ialah Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani dan Pengarah Pusat Latihan dan Peningkatan Kompetensi KUPU SB, Dr. Kharhan bin Haji Jait.

AsTEN dianggotai oleh rangkaian institusi pendidikan guru di Negara-negara ASEAN dalam usaha untuk menangani isu dan cabaran yang berkaitan dengan program, amalan dan dasar pendidikan guru dalam ASEAN.

Komitmen KUPU SB dalam AsTEN ini secara tidak langsung menjadi platform untuk kerjasama akademik dan penyelidikan antara institusi anggota yang boleh memberi manfaat kepada KUPU SB khasnya dan Negara Brunei Darussalam amnya.

KUPU SB dijadualkan menjadi tuan rumah Mesyuarat Ketua-ketua AsTEN Ke-19 dan Persidangan AsTEN Ke-7 pada tahun hadapan.



# Keputusan Peperiksaan SPUB dikeluarkan

**Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 17 Disember. – Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) selaku Urus Setia Lembaga Peperiksaan Pelajaran Ugama Brunei telah mengeluarkan keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi (bagi calon-calon Tahun 10/11) di Sekolah-sekolah Menengah Arab dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Daripada seramai 592 calon yang menduduki Peperiksaan SPUB, seramai 351 calon (59.29 peratus) telah berjaya memperoleh sekurang-kurangnya pangkat Jayyid (Kepujian) dalam semua mata pelajaran yang diduduki (meningkat sebanyak 12.30 peratus daripada pencapaian tahun 2023).

Sementara itu, 513 calon (86.66 peratus) telah memperoleh sekurang-kurangnya empat pangkat Jayyid (Kepujian) dalam mata-mata pelajaran yang diduduki. Daripada jumlah ini (592 calon), seramai 127 orang calon (21.45 peratus) telah berjaya memperoleh agregat 6 – 8.

Calon-calon sekolah yang telah menduduki peperiksaan tersebut bolehlah mendapatkan slip pernyataan keputusan mereka di sekolah masing-masing. Manakala bagi calon persendirian hendaklah mengambil slip pernyataan keputusan di pejabat Bahagian Peperiksaan, JPI, bertempat di Tingkat Bawah Bangunan KHEU pada waktu pejabat.

Sehubungan itu, bagi calon-calon yang layak dan berminat untuk meneruskan pengajian mereka ke peringkat Pra U di Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB), bolehlah mengambil borang pendaftaran / kemasukan ke sekolah ini bermula pada Isnin, 23 Disember 2024M bermula jam 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari di SMALHB, KM 2, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, BA2111, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh akhir bagi mengembalikan semula borang tersebut ke sekolah berkenaan ialah pada Sabtu, 4 Januari 2025.

Bagi calon-calon peperiksaan, ibu bapa / penjaga yang ingin mendaftar untuk mendapatkan keputusan peperiksaan melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS), bolehlah berbuat demikian melalui SMS dengan menaip KHEU (jarak) REG (jarak) NOMBOR PUSAT PEPERIKSAAN (jarak) Nombor Indeks Calon (jarak) Nombor Kad Pengenalan Pintar dan hantar ke 8885555 bagi pelanggan DST, 38666 bagi pelanggan Progresif Sdn. Bhd. atau 39966 bagi pelanggan Imagine Sdn. Bhd.

Pendaftaran yang berjaya akan dimaklumkan kepada pelanggan melalui SMS tanpa sebarang kos kepada pelanggan.

Keputusan peperiksaan SMS hanya akan dihantar kepada pelanggan yang berdaftar dengan dikenakan caj bayaran BND1 bagi setiap keputusan peperiksaan SMS yang diterima.

Sehubungan itu, dipohonkan kepada para pelanggan agar dapat memastikan talian masing-masing mempunyai kredit yang mencukupi.

# PERKHEMAHAN BENTUK KEPERIBADIAN BELIA







PENOLONG Pengarah Urusan YSHHB, Mejar (B) Awang Sopian bin Haji Mohammad Yassin hadir selaku tetamu kehormat majlis dan menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta (atas dan kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 16 Disember. - Program Perkhemahan Belia Hijrah Mahabbah Lillah Kali Ke-10 anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dan dikelolakan oleh Kumpulan Al-Qudwah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang berlangsung selama tiga hari dua malam iaitu bermula pada 14 hingga 16 Disember 2024 telah berakhir hari ini dengan Majlis Penutup di Auditorium UNISSA.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta ialah Penolong Pengarah Urusan YSHHB, Mejar (B) Awang Sopian bin Haji Mohammad Yassin.

Hadir sama pada majlis berkenaan ialah Pengarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa UNISSA, Dr. Supri bin Haji Sudin.

Program Perkhemahan pada tahun ini bertemakan 'Memelihara Akal Berpandukan Sunnah Rasulullah' bersempena dengan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1445 Hijrah. Program Perkhemahan dilaksanakan sempena Cuti Penggal Akhir Persekolahan Tahun 2024.

Seramai 50 peserta terdiri daripada 25 lelaki dan 25 perempuan daripada para pelajar dari beberapa buah sekolah menengah dan pusat tingkatan enam yang berumur antara 14 hingga 19 tahun dari keempat-empat daerah telah ikut serta.

Antara aktiviti yang dijalankan pada hari pertama perkhemahan termasuk Sesi Ta'aruf, Time Tactics, aktiviti Team Building, Archery dan ditutup dengan Majlis Mawlid.

Antara tujuan program adalah untuk memberikan pendedahan dan kesedaran kepada belia, mempersiapkan mereka menghadapi kehidupan dunia dan akhirat melalui penghayatan tanggungjawab sebagai khalifah di muka bumi. Ia juga bertujuan membentuk keperibadian belia melalui amalan membaca dan mendalami mesej tersurat serta tersirat dalam Al-Quran.

Selain itu, program ini berperanan sebagai platform untuk melatih peserta melibatkan diri dalam aktiviti bermakna yang berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah, sambil memperkukuh keimanan, meningkatkan motivasi diri serta menguji ketahanan mental, emosi dan fizikal mereka. Program ini juga bertujuan untuk membina jiwa generasi belia agar kembali kepada Allah, menyemai nilai jati diri dan menyuburkan ukhuwah sesama peserta.

# Dynamik Technologies terima Anugerah Pencapaian Strategik Cemerlang




DYNAMIK Technologies menerima pengiktirafan dengan Anugerah Pencapaian Strategik Cemerlang (Industri Perkhidmatan Kewangan) pada Sidang Kemuncak Rakan Kongsi VMware by Broadcom yang diadakan di Kemboja, baru-baru ini.

Siaran Akhbar dan Foto : Dynamik Technologies

**KEMBOJA**, Isnin, 16 Disember. - Dynamik Technologies telah menerima pengiktirafan dengan Anugerah Pencapaian Strategik Cemerlang (Industri Perkhidmatan Kewangan) pada Sidang Kemuncak Rakan Kongsi VMware by Broadcom yang diadakan di Kemboja, baru-baru ini.

Anugerah ini menyerlahkan usaha perintis Dynamik dalam melaksanakan industri virtualisasi terkemuka dan infrastruktur asas *cloud* sejak 2016 serta peranannya sebagai pasukan profesional perkhidmatan yang diperakui VMware terbesar di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berkhidmat untuk kedua-dua sektor awam dan swasta.

Ketua Infrastruktur Dynamik Technologies, Nur Hafizah Matsuni dan Arkitek Teknikal, Jeffrey Remo M. Villanueva menerima anugerah tersebut bagi pihak syarikat.

Mewakili NBD sebagai peserta tunggal, Dynamik Technologies terlibat dalam perbincangan mengenai kemas kini program rakan kongsi, inisiatif strategik dan kejayaan semasa sidang kemuncak itu, mengukuhkan lagi reputasinya sebagai peneraju Sektor ICT di NBD.

Pengiktirafan ini mencerminkan komitmen Dynamik Technologies untuk menyampaikan penyelesaian inovatif yang memenuhi permintaan pasaran yang semakin berkembang.

Dynamik Technologies terus komited untuk mendorong sempadan teknologi, memperkasakan pelanggan dengan penyelesaian yang boleh dipercayai dan transformatif dan mencapai pencapaian baharu dalam perjalanan kecemerlangan dan inovasinya.



Pelita Brunei

# FESTIVAL BRUNEI FILM BLITZ 2024 KINI KEMBALI

Siaran Akhbar dan Foto : Origin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 16 Disember. - Festival Brunei Film Blitz 2024 kini kembali dengan tahun kelapan, mempamerkan Negara Brunei Darussalam (NBD) semakin meningkat dalam komuniti filem global. Tahun ini, festival itu ditetapkan untuk memupuk kawalan kualiti yang lebih besar ke atas kandungan tempatan sambil menonjolkan bakat tempatan di persada antarabangsa.

Acara utama festival iaitu 96 Hour Blitz akan menampilkan pembikin filem yang disenarai pendek di bawah Program Pitch and Produce Authority for Info-communications Technology Industry (AITI) di bawah bimbingan beberapa nama yang paling disegani dalam pembikinan filem.

96 Hour Blitz mencabar para peserta yang disenarai pendek untuk mencipta kandungan yang menarik dalam masa 96 jam, menguji kreativiti, daya tahan dan kerjasama mereka. Acara tahun ini akan disokong oleh kepakaran mentor, termasuk Lam Vissay dari Viet Nam, Aaron Toronto dari Amerika Syarikat, Stuart McBratney dari Australia dan Christian Paolo Lat dari Filipina.

Veteran industri ini akan memberikan bimbingan yang tidak ternilai, memupuk generasi pembikin filem seterusnya dan memastikan kandungan tempatan memenuhi piawaian global.

Selain 96 Hour Blitz, festival ini juga akan menampilkan Kategori Terbuka yang telah menarik penyertaan antarabangsa yang mengagumkan. Malah pada tahun ini, 97 peratus penyerahan untuk Kategori Terbuka datang daripada pembikin filem di seluruh dunia, menonjolkan reputasi Brunei Film Blitz yang semakin meningkat sebagai acara utama dalam litar festival filem antarabangsa.

Antara yang hadir semasa festival tersebut ialah Pengurus Anugerah untuk Anugerah Skrin Asia Pasifik (APSA), Sheree Ramage; Pengarah Festival Festival Filem Antarabangsa Kota Kinabalu, Jude Day; Festival Programmer, Edivnas Puksta dan Penerbit Filem, Daniel Irawan. Kehadiran mereka ini memperkukuh jangkauan global dan semangat kerjasama Brunei Film Blitz.

Visi utama Brunei Film Blitz adalah untuk memupuk pemahaman yang lebih mendalam tentang penerbitan filem bebas, menyediakan peserta dengan alat, kepakaran dan sambungan yang diperlukan untuk berjaya di pentas global. Bengkel, kelas induk dan peluang rangkaian akan tersedia sepanjang minggu, memastikan pembuat filem dilengkapi untuk menghasilkan kandungan berkualiti tinggi yang boleh bersaing dalam festival antarabangsa.




**FESTIVAL Brunei Film Blitz 2024 kini kembali dengan tahun kelapan, mempamerkan Negara Brunei Darussalam semakin meningkat dalam komuniti filem global.**

Festival ini akan diakhiri dengan tayangan anugerah, mempamerkan filem-filem cemerlang yang dihasilkan semasa 96 Hour Blitz dan Kategori Terbuka. Ia menjanjikan untuk menjadi perayaan kreativiti, inovasi dan kuasa penceritaan.

Pengarah Festival Filem, Dayang Siti Kamaluddin melahirkan rasa teruja tentang perkembangan festival tersebut.

"Kami sangat teruja melihat Brunei Film Blitz mendapat pengiktirafan antarabangsa. Dengan lebih banyak penyertaan antarabangsa berbanding sebelum ini, festival ini menjadi platform penting bagi pembikin filem untuk mempamerkan bakat mereka, bekerjasama dengan pemimpin industri dan menyumbang kepada kehadiran Brunei di pentas filem global," tambahnya.

Brunei Film Blitz 2024 menjanjikan pengalaman yang tidak dapat dilupakan, baik untuk peserta mahupun penonton kerana ia terus memperjuangkan industri perfileman tempatan yang baharu muncul dan pembikin filem berbakat.



# Nuqra Quranic adakan program cuti sekolah 'Nuqra Aerospace'



**PROGRAM cuti sekolah Nuqra Quranic tampil dengan tema baharu dan unik iaitu 'Nuqra Aerospace' (atas dan kiri).**

Siaran Akhbar dan Foto : Nuqra Quranic

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 16 Disember. – Seperti kebiasaannya pada setiap cuti penggal persekolahan, Nuqra Quranic menganjurkan program cuti sekolah yang sangat dinanti-nantikan.

Namun pada kali ini, program cuti sekolah tampil dengan tema baharu dan unik iaitu 'Nuqra Aerospace'.

Program yang berlangsung selama dua hari itu diadakan untuk kanak-kanak berusia 5 hingga 12 tahun. Ia menggabungkan elemen pendidikan STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik) dengan nilai-nilai Islamik, sekali gus memupuk rasa ingin tahu tentang ciptaan Allah Subhanahu Wata'ala di angkasa lepas.

Antara aktiviti menarik yang disertai oleh peserta termasuk eksperimen sains berkaitan angkasa, aktiviti kreatif seperti membina model roket, kapal terbang dan pembelajaran interaktif yang mengaitkan keajaiban alam semesta dengan ayat-ayat Al-Quran.

Selain itu, program tersebut turut memberi inspirasi kepada peserta melalui kisah tokoh Islam iaitu Abbas Ibn Firnas, seorang sarjana Muslim yang dikenali sebagai pelopor penerbangan. Kisah beliau tentang keberanian dan kreativiti menjadi pengajaran kepada anak-anak untuk tidak takut bermimpi besar, berusaha dan meneroka ilmu dengan nilai-nilai keislaman.

"Melalui program ini, kami berharap dapat membuka minda anak-anak untuk melihat ilmu duniawi sebagai jalan untuk mengenal kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala. Pada masa yang sama, mereka dapat berseronok dan belajar dalam suasana yang positif," kata Pengurus Nuqra Quranic Lambak, Awang Md. Ariffin bin Abd. Kahar.



# MANFAATKAN CUTI SEKOLAH SEBAIKNYA



AKTIVITI-aktiviti diadakan ialah bagi mengisi masa lapang cuti penggal persekolahan khususnya kanak-kanak dan belia dengan aktiviti yang berfaedah dan bermanfaat (atas dan atas kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 16 Disember. – Masa lapang merupakan peluang yang sangat berharga dan menjadi amat bernilai jika kita tahu mengisinya dengan perkara atau aktiviti yang memberi banyak faedah.

Semasa cuti persekolahan, masa tidak sepatutnya terbuang begitu sahaja dan ia perlu diisi dengan pelbagai perkara dan aktiviti yang dapat memberi manfaat dan keseronokan kepada diri sendiri dan juga masyarakat sekitar.

Sehubungan itu, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Lambak Kanan telah mengadakan Program Cuti Sekolah Akhir Tahun sejak 2 Disember lalu yang dihasrat akan dapat meningkatkan budaya membaca serta menggalakkan orang ramai menjadi ahlinya.

Penolong Pegawai Perpustakaan Tingkat II, Pengiran Serimohayatun binti Pengiran Haji Metusin yang juga selaku Ketua Cawangan Perpustakaan DBP Lambak Kanan ketika ditemui menjelaskan, sambutan orang ramai sangat menggalakkan dan penyertaan sepanjang aktiviti-aktiviti dijalankan mendapat sambutan yang memberangsangkan.

Menurutnya, tujuan aktiviti-aktiviti diadakan ialah bagi mengisi masa lapang cuti penggal persekolahan khususnya kanak-kanak dan belia dengan aktiviti yang berfaedah dan bermanfaat serta meningkatkan lagi pengunjung ke Perpustakaan DBP Lambak Kanan.

Tambahnya, ia juga diadakan agar pengunjung menggunakan kemudahan-kemudahan yang telah disediakan di samping membudayakan lagi minat membaca dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Beliau seterusnya menjelaskan, Perpustakaan DBP Lambak Kanan dan Jabatan DBP akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi penggunaan perpustakaan dalam kalangan orang ramai dengan mengadakan aktiviti-aktiviti seperti Karnival Memperkasa Budaya Membaca, aktiviti cuti penggal persekolahan, pertandingan, bengkel-bengkel, lawatan dan sebagainya.

Program Cuti Sekolah Akhir Tahun bagi Perpustakaan DBP Lambak Kanan diisikan dengan pelbagai aktiviti termasuk Program Baca Buku selama 10 minit, Reka Baju Sendiri, Selamatkan Bumi Kita, Lakastah Naik Kapal, Terokai Brunei dan sebagainya mengikut hari yang ditentukan.

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani






# MINDA PEMBACA

## AI membawa kebaikan atau keburukan?

AI membawa kebaikan atau keburukan? Perkembangan dunia teknologi digital yang pesat memacu terhadap perkembangan penggunaan Artificial Intelligence (AI) dalam memberikan input yang berguna kepada kita. Antara kebaikan AI adalah dapat memberikan sumber maklumat dengan pantas dan meluas. Dari sudut perindustrian melibatkan penggunaan mesin, pengintegrasian teknologi AI dapat mengurangkan *human error*. Dengan bantuan teknologi AI, robot dan sebagainya dapat mempercepatkan proses produksi. Hasil yang demikian akan meningkatkan permintaan kebolehpasaran dalam bidang komputer sains berupa kemahiran *coding*, data analitik, *programmer* dan seterusnya.

Dalam sudut pendidikan pula, penggunaan teknologi AI turut memberikan kesan yang baik dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Sebagai contoh, penggunaan aplikasi Duolingo amat membantu dalam pembelajaran bahasa. Peruntukan reka bentuk yang menarik dan mesra pengguna dapat menambah motivasi dalam kalangan pengguna untuk sentiasa aktif untuk belajar, sama ada menerusi telefon bimbit ataupun tablet masing-masing. Selain pengintegrasian model gamifikasi ke dalam ciri-ciri aplikasi berkenaan dapat menambah lagi tarikan untuk mengikuti aktiviti pembelajaran bahasa yang diinginkan.

Menerusi bidang penulisan pula, penggunaan aplikasi Grammarly dan Writesonic mampu memberikan penilaian terhadap mutu penulisan bagi tujuan penambahbaikan; agar ianya lebih mudah difahami dan menarik.

Namun begitu, terdapat juga sebahagian keburukan teknologi AI terhadap pengguna, khususnya dalam penggunaan media sosial. Bagi mengelakkan masalah keburukan daripada penyalahgunaan teknologi, rakyat perlu peka dan memahami kepentingan mengawal data peribadi terutama ketika menggunakan aplikasi yang berhubung dengan internet. Elakkan daripada menyimpan data berupa peribadi, seperti gambar, keterangan kad kredit dan sebagainya, bagi mengelakkan dari jatuhnya data maklumat terhadap pengguna yang tidak bertanggungjawab. Akhirnya, tanggungjawab terhadap penggunaan teknologi AI adalah tertakluk kepada individu. Kita perlu mengambil manfaat kecanggihan teknologi ini bagi membantu kualiti kehidupan seharian kita. Elakkan daripada sikap menyalahgunakan teknologi yang ada demi tujuan kepentingan peribadi dengan menjatuhkan individu yang lain.

**Nama : Pg. Dr. Haji Muhammad Firdaus bin Pg. Haji Rusman**
**No. K/P : 01-049XXX**

## Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Membina Keluargaku Harapanku'. Tarikh Tutup : 18 Disember 2024**
2. **'Memperkenalkan Makanan Tempatan Ke Peringkat Antarabangsa'. Tarikh Tutup : 25 Disember 2024**
3. **'Memacu Pembangunan Sektor Ekopelancongan'. Tarikh Tutup : 1 Januari 2025**

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel : *pelita.brunei@information.gov.bn***

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# Makmum Sembahyang Seorang Diri Di Belakang Saf

IRSYAD HUKUM
Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam
Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

**(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

**ANTARA** perkara yang mesti diambil perhatian oleh imam dan para jemaah ialah meluruskan saf sembahyang sebelum sembahyang berjemaah dimulakan. Meluruskan saf sembahyang hukumnya adalah sunat, manakala meninggalkan atau mengabaikan tuntutan ini hukumnya adalah makruh. Bagi memastikan saf itu lurus, sunat ke atas imam menyeru para makmum supaya meluruskan saf sebelum dia melakukan takbiratulihram. Sunat juga ke atas makmum menyuruh makmum yang dilihatnya belum meluruskan saf supaya meluruskan atau merapatkan safnya.

Menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya al-Majmu', maksud meluruskan saf itu ialah menyempurnakan atau memenuhkan saf satu persatu bermula dari saf pertama terlebih dahulu dan mengisi ruang kosong atau bahagian yang renggang di antara makmum dalam saf, meluruskan barisan makmum sekira-kira makmum yang berdiri di dalam saf itu tidak berdiri lebih ke hadapan atau terkebelakang daripada makmum yang berada di sampingnya dan tidak memulakan saf yang seterusnya melainkan saf yang di hadapan telah diisi. Sayyid 'Abdurrahman Ba'alawi *Rahimahullah* dalam kitabnya Bughyah al-Mustarsyidin ada menukil perkataan Imam al-'Allamah 'Abdullah al-Husin Bafaqih *Rahimahullah* yang menyatakan bahawa termasuk dalam tuntutan sunat meluruskan saf itu ialah mengimbangi jumlah makmum di sebelah kiri dan sebelah kanan di belakang imam.

Memulakan saf baru tanpa sebarang keuzuran ketika saf di hadapannya masih ada ruang yang belum diisi hukumnya adalah makruh.

Ada kalanya orang yang hendak sembahyang berjemaah itu mendapati saf-saf di belakang imam telah penuh diisi malah dia juga tidak mendapati ada ruang di antara makmum untuk menyelit masuk ke dalam saf. Ini bererti makmum berkenaan tidak ada pilihan selain sembahyang di belakang saf terakhir. Dalam keadaan sebegini, terdapat sebahagian orang akan sembahyang seorang diri di belakang saf yang penuh tersebut. Persoalannya, apakah hukum makmum sembahyang seorang diri itu? Irsyad Hukum pada kali ini akan memberikan penjelasan mengenainya.

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya Minhaj ath-Thalibin menyebut mengenai dengan makmum yang sembahyang seorang diri di belakang saf, katanya:

**Ertinya:** *Dan dihukumkan makruh makmum yang berdiri seorang diri (di belakang saf), bahkan hendaklah dia masuk ke dalam saf jika dia mendapati ada ruang, dan jika dia tidak (mendapati ada ruang), maka hendaklah dia menarik seseorang (makmum di hadapannya) setelah dia melakukan takbiratulihram dan makmum yang ditarik itu hendaklah membantunya (dengan berundur ke belakang dan sembahyang bersamanya dalam satu saf).*

Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* ketika mensyarahkan *nash* Imam an-Nawawi *Rahimahullah* di atas menyebut dalam kitabnya Tuhfah al-Muhtaj bahawa hukum makmum yang mengerjakan sembahyang seorang diri di belakang saf jemaah yang lain tanpa sebarang keuzuran hukumnya adalah makruh. Perbuatan sedemikian juga meluputkan fadhilat sembahyang berjemaah baginya iaitu ganjaran dua puluh tujuh darjat.

Sayyid al-Bakri *Rahimahullah* dalam kitabnya Hasyiyah I'anah ath-Thalibin menjelaskan bahawa fadhilat sembahyang berjemaah yang luput dalam hal ini bukan bererti luput fadhilatnya pada keseluruhan sembahyang, bahkan fadhilat jemaah yang luput itu hanyalah bagi tempoh berlaku di dalamnya perkara makruh tersebut.

Menurut asy-Syibramallisi *Rahimahullah* dalam hasyiyah kitab Nihayah al-Muhtaj, sekiranya seorang makmum mendapati saf-saf di hadapan sudah penuh diisi, maka makmum yang hendak memulai saf baru itu hendaklah berdiri di belakang saf terakhir yang penuh itu dan tempat dia berdiri pada posisi seolah-olah dia berdiri bersebelahan dengan kanan imam.

Jika masih belum ada makmum lain yang datang dan sembahyang bersamanya di saf tersebut, maka pada ketika ini sunat baginya menarik seorang makmum yang berada di saf hadapan untuk berundur ke belakang dan sembahyang bersamanya dalam satu saf. Perbuatan menarik makmum daripada saf di hadapan untuk berundur ke saf belakang itu adalah sunat apabila memenuhi syarat-syarat berikut:

1.Hendaklah makmum yang akan ditarik ke belakang itu seorang yang merdeka.

2.Hendaklah terdapat lebih daripada dua orang makmum dalam saf makmum yang akan ditarik itu. Jika hanya terdapat dua orang makmum dalam saf tersebut, maka ditegah menarik salah seorang makmum daripada keduanya kerana perbuatan ini akan menyebabkan makmum yang seorang lagi mengerjakan sembahyang seorang diri dalam saf tersebut. Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah,* hukum menarik salah seorang daripada keduanya itu adalah haram kerana melakukan suatu perbuatan yang manfaatnya kembali pada dirinya sendiri namun berlaku mudarat (*dharar*) ke atas orang lain. Dalam keadaan hanya terdapat dua orang makmum dalam saf di hadapan, jika tempat makmum yang hendak sembahyang seorang diri di belakang saf itu boleh menempatkan mereka bertiga dalam satu saf, maka harus baginya untuk menarik kedua-dua makmum di saf hadapan itu untuk berundur ke belakang.

3.Hendaklah makmum yang menarik itu tahu bahawa makmum yang hendak ditarik itu akan menurut dan memberi kerjasama untuk berundur ke belakang. Jika pada sangkaannya makmum yang hendak ditarik itu tidak akan menurut dan tidak memberi kerjasama untuk berundur ke belakang, maka ditegah menariknya kerana ditakuti terjadi fitnah.

4.Hendaklah perbuatan menarik itu dilakukan dalam sembahyang iaitu setelah makmum yang menarik melakukan takbiratulihram. Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah*, jika dilakukannya sebelum takbiratulihram hukumnya adalah haram. Manakala menurut pendapat Imam ar-Ramli *Rahimahullah* pula, hukumnya adalah makruh.

5.Hendaklah perbuatan menarik makmum itu dilakukan ketika dalam keadaan berdiri dalam sembahyang. Jika perbuatan menarik itu dilakukannya selain dalam keadaan berdiri, maka hukumnya adalah makruh.

Bagi makmum yang akan ditarik pula, apabila syarat-syarat yang disebutkan di atas sudah dipenuhi, sunat baginya untuk menurut dan memberi kerjasama kepada makmum yang menariknya iaitu dengan berundur ke belakang dan sembahyang dalam satu saf bersama-sama dengan makmum yang menariknya itu. Malah adalah sunat bagi salah seorang makmum di saf hadapan untuk berundur ke belakang walaupun tanpa ditarik jika dia tahu bahawa makmum yang sembahyang seorang diri di belakang saf itu jahil mengenai perkara tersebut.

Dalam hal ini, makmum yang berundur ke saf belakang itu diberi ganjaran pahala kerana melaksanakan perbuatan tolong menolong dalam perkara kebaikan dan ketakwaan. Dari sudut perolehan ganjaran fadhilat saf pula, makmum yang ditarik dan berundur ke saf belakang itu tetap memperolehi fadhilat safnya yang asal kerana perbuatannya keluar daripada saf itu adalah kerana suatu keuzuran syara'. Apabila terdapat ruang kosong dalam saf kerana salah seorang makmum dari saf tersebut berundur ke belakang, maka para makmum dalam saf tersebut juga dituntut untuk merapatkan saf tersebut dan tidak membiarkan ruang tersebut kosong.

Demikian penjelasan mengenai makmum sembahyang seorang diri di belakang saf.

**MENURUT asy-Syibramallisi *Rahimahullah* dalam hasyiyah kitab Nihayah al-Muhtaj, sekiranya seorang makmum mendapati saf-saf di hadapan sudah penuh diisi, maka makmum yang hendak memulai saf baru itu hendaklah berdiri di belakang saf terakhir yang penuh itu dan tempat dia berdiri pada posisi seolah-olah dia berdiri bersebelahan dengan kanan imam.**

منوجو کريضاءن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
کلوأن ڤوسة دعوه اسلاميه

# Sabar, doa, syukur

**DALAM** kehidupan seharian, kita tidak akan terlepas daripada ujian sama ada dalam bentuk kesenangan mahupun dalam bentuk kesusahan. Ujian yang ditimpakan kepada manusia ini tidak lain dan tidak bukan adalah bertujuan untuk mengangkat darjat dan meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Setiap orang mempunyai tahap ujian yang berbeza mengikut tahap kemampuan masing-masing. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 286, mafhumnya :

*"Allah tidak membebani seseorang (dengan kewajipan) melainkan apa yang terdaya olehnya ...".*

Allah tidak akan memberatkan hamba-Nya dengan sesuatu yang mereka tidak mampu. Kita sebagai hamba mestilah sentiasa berusaha untuk bersabar apabila ditimpa ujian kerana mereka yang bersabar akan diberi ganjaran oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Di samping itu, kita jangan lupa untuk berdoa walaupun hanya sekecil-kecil perkara kerana sesungguhnya Allah akan memperkenankan doa permohonan setiap hamba-Nya, sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Ghafir ayat 60, mafhumnya :

*"Berdoalah kepada-Ku nescaya Aku memperkenankan doa permohonan kamu ...".*

Justeru itu, apabila mendapat nikmat, kita bergembira. Namun, sebaliknya jika mendapat ujian kita mengeluh. Walhal, ujian itu sebenarnya adalah doa kita yang dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Tanpa kita sedar, sebenarnya nikmat itu adalah untuk kebaikan di dunia yang sewajarnya kita syukuri, manakala ujian itu adalah untuk kebaikan di akhirat yang sewajarnya kita bersabar menghadapinya.

Antara tanda untuk mengetahui bahawa ujian tersebut merupakan nikmat ialah apabila ditimpa ujian, seseorang hamba tersebut lebih ingat kepada Allah, lebih dekat kepada Allah dan sentiasa bersangka baik dengan Allah. Maka, ujian tersebut merupakan nikmat baginya yang merupakan kebaikan di akhirat. Namun sebaliknya, ujian tersebut menjadi bala apabila seseorang hamba itu menjadi lebih jauh daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan bersangka buruk terhadap aturan Allah Subhanahu Wata'ala.

Justeru itu, sewajarnya kita sentiasa bersyukur dan bersabar dengan segala nikmat dan ujian yang dikurniakan kepada kita. Tanamlah azam dalam diri kita untuk sentiasa bersyukur dan menghargai kurniaan-Nya dan bukan hanya sekadar menghargai nikmat yang kita dapat semata. Maka dari itu, teruslah kita perbanyakan bersabar, berdoa dan bersyukur dalam menjalani kehidupan ini.

# CORAK JATI DIRI ANAK-ANAK, BINA SAHSIAH, AKHLAK TERPUJI



**PARA ibu bapa tetap perlu bertanggungjawab mengisi masa lapang anak-anak dengan pelbagai perkara yang bermanfaat untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran diri (kiri dan bawah kanan).**

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 17 Disember. – Musim cuti persekolahan penggal akhir sudah hampir memasuki minggu ketiga.

Sekalipun kemeriahan bercuti masih dirasakan, para ibu bapa tetap perlu bertanggungjawab mengisi masa lapang anak-anak dengan pelbagai perkara yang bermanfaat untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran diri.

Ibu bapa perlu bijak menggunakan strategi, kemahiran, dan kepakaran dalam mencorak jati diri anak-anak agar dapat membina sahsiah dan akhlak terpuji.

Antaranya adalah dengan menghantar anak-anak mengikuti kem ibadah dan motivasi diri, seperti Program Huffaz Islamic Camp 2024 yang dianjurkan oleh Al-Huffaz Management baru-baru ini di Pusat Da'wah Islamiah.

Program ini bertujuan memberi peluang kepada generasi muda untuk mendalami Al-Quran, memperkukuh kemahiran hafazan, membangunkan semangat berpasukan, disiplin, dan keyakinan diri serta menghargai nilai-nilai Islam. Ia juga bertujuan agar mereka lebih mencintai Al-Quran dan mengamalkan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam kehidupan seharian.

Dengan mengikuti kem motivasi pula akan dapat membentuk serta meningkatkan keyakinan diri anak-anak untuk berhadapan dengan cabaran dunia dan menguji minda serta fizikal mereka untuk bertindak pantas, kuat, cekal dan mampu bertahan dengan ujian yang datang tidak mengira masa dalam pelajaran mahupun kehidupan seharian.

Selain itu, ada juga ibu bapa yang mengambil peluang cuti persekolahan ini dengan mendedahkan anak-anak kepada pelbagai aktiviti sukan untuk mencungkil bakat mereka, terutama dalam bidang seperti renang, bola sepak, bola jaring dan seni mempertahankan diri.

Melalui aktiviti sukan, secara tidak langsung ia dapat meningkatkan kecergasan tubuh badan, mempelajari nilai kemampuan diri serta memantapkan sistem pertahanan diri anak-anak. Ini membantu mereka tampil dengan penuh keyakinan dan bersedia menghadapi sebarang cabaran.

Ibu bapa juga disarankan membawa anak-anak menyertai aktiviti-aktiviti berpersatuan untuk menerapkan nilai-nilai murni dalam diri mereka, contohnya, menyertai persatuan kebajikan yang melibatkan aktiviti seperti memberi bantuan kepada golongan memerlukan, membantu anak-anak yatim, menceriakan golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) dan warga emas yang memerlukan semangat dan sokongan masyarakat.

Mendorong anak-anak melakukan kerja-kerja amal juga mendedahkan mereka kepada aktiviti bermanfaat, mengajar mereka ringan tulang serta melahirkan anak-anak yang berjiwa bermasyarakat dan tidak camah mata.

Selain itu, mempersiapkan anak-anak tidak hanya terbatas kepada perkara-perkara yang biasa dilakukan, tetapi juga melalui pelbagai kemahiran lain seperti mengikuti Kelas Bahasa, antaranya ialah bahasa Inggeris, Arab, Cina, Jepun, Korea, Perancis dan lain-lain.

Menguasai kemahiran berbahasa, baik dalam penulisan mahupun pertuturan, dapat meningkatkan keyakinan diri anak-anak kerana ia juga memberikan mereka kelebihan pada masa hadapan, seperti peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi dan memperoleh peluang pekerjaan yang lebih baik melalui keupayaan berkomunikasi dalam bahasa asing.

Walau bagaimanapun, sesetengah anak-anak memanfaatkan cuti persekolahan ini untuk mengulangkaji pelajaran, terutama bagi mereka yang bakal menghadapi peperiksaan besar pada tahun hadapan.

Walaupun mengulangkaji mungkin antara aktiviti yang kurang digemari oleh anak-anak pada waktu cuti, para ibu bapa boleh bijak mengurus disiplin mereka dengan membantu mengatur aktiviti ulang kaji secara ringkas, contohnya, aktiviti seperti hafalan sifir, ejaan, bacaan dan sebagainya.

Hakikatnya, terdapat pelbagai aktiviti menarik yang boleh dilakukan oleh anak-anak sepanjang musim cuti persekolahan ini tanpa memerlukan perbelanjaan besar seperti melancong ke luar negara.

Dengan perhatian, strategi, dan perancangan teliti yang dilakukan sejak awal, ibu bapa dapat memastikan cuti persekolahan anak-anak terisi dengan perkara bermanfaat.

## Trend jualan *preloved items* mampu jana sumber pendapatan

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**



**DENGAN trend gaya hidup atau fesyen yang sentiasa berubah setiap tahun, membeli pakaian terpakai boleh mengurangkan amalan membazir dalam kalangan masyarakat tempatan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 17 Disember. - Trend menjual barangan terpakai (*preloved items*) semakin berkembang dalam beberapa tahun kebelakangan ini dan menjadi salah satu cara yang sangat popular untuk menjana sumber pendapatan tambahan serta membantu pembeli berjimat.

Selain itu, *preloved* dilihat sebagai perniagaan yang memiliki prospek yang menjanjikan dan tidak memerlukan modal yang besar.

Menjual barangan terpakai bukan sahaja mengurangkan jumlah sisa sampah tetapi juga menggalakkan penggunaan semula produk. Ini memberi kesan positif terhadap alam sekitar dan pada masa yang sama ia mampu mengawal diri untuk berbelanja melebihi kemampuan sekali gus menjimatkan kos perbelanjaan harian.

Dengan trend gaya hidup atau fesyen yang sentiasa berubah setiap tahun, membeli pakaian terpakai boleh mengurangkan amalan membazir dalam kalangan masyarakat tempatan.

Barangan terpakai sering dijual pada harga yang jauh lebih murah berbanding harga asal. Ini memberi peluang kepada pembeli untuk mendapatkan produk berkualiti dengan harga yang lebih berpatutan.

Dengan kemajuan teknologi dan platform dalam talian, menjual barangan terpakai kini lebih mudah antaranya seperti melalui aplikasi TikTok, Facebook Marketplace, eBay dan banyak lagi yang memudahkan orang ramai membeli dan menjual barangan terpakai dengan cepat dan selamat.

Seorang pengusaha yang menjual barangan terpakai, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Manggong menjelaskan bahawa beliau mulai membuka perniagaan jualan barangan terpakai sejak tahun 2019 dengan membuka sebuah kedai di Tingkat 3, The Mall, Gadong.

Berdaftar di bawah nama Syarikat Hajah Fatimah binti Haji Manggong dan Anak-anak, beliau berkata barangan terpakai yang dijualnya meliputi pelbagai jenama baju dan seluar bagi kanak-kanak hingga dewasa yang didatangkan dari Korea dan juga Amerika Syarikat dengan harga yang mampu milik serendah BND1 hingga BND8.

Menurutnya lagi, kesemua barangan terpakai yang dijual terlebih dahulu melalui pemeriksaan kualiti (*quality check*). Ini bukan sahaja memastikan barangan yang dijual berada dalam keadaan baik tetapi juga memberi keyakinan kepada pembeli.

Dayang Hajah Fatimah juga mengongsikan dengan membuka bisnes jualan barangan terpakai ini, beliau dapat menjana sumber pendapatannya selepas bersara daripada perkhidmatannya di Universiti Brunei Darussalam.

Tambahnya lagi, sambutan daripada orang ramai juga sangat menggalakkan dan kebanyakan pelanggan yang membeli terdiri daripada golongan muda dan juga daripada warga asing.

"Kebanyakan pembeli adalah daripada kalangan golongan belia kerana mereka gemar memilih fesyen baju dari luar negara lebih-lebih lagi dengan harga yang mampu milik," ujarnya.

Jelas di sini, trend menjual atau membeli barangan terpakai bukan sahaja menguntungkan tetapi juga memberi impak positif terhadap ekonomi, sosial dan alam sekitar.

Barangan yang sudah tidak digunakan oleh seseorang mungkin mempunyai nilai yang sangat berguna bagi orang lain. Dengan menjual barangan terpakai, kita memberi peluang kepada produk tersebut untuk digunakan semula dan memberikan manfaat kepada orang lain.

Menjual barangan terpakai juga meningkatkan kesedaran tentang pentingnya berbelanja secara berhemah.



## PPDB adakan Latihan Menembak

**Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 17 Disember. – Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) akan mengadakan Latihan Menembak pada Khamis, 19 Disember 2024; Sabtu, 21 Disember 2024; Isnin, 23 Disember 2024; dan Selasa, 24 Disember 2024, bermula jam 7.45 pagi hingga 4.30 petang di Kompleks Padang Tembak Polis Diraja Brunei, Simpang 338, Jalan Muara, Kampung Sungai Akar.

Sehubungan itu, PPDB ingin memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak merasa cemas dan tidak menghampiri tempat latihan tersebut bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku sepanjang latihan berkenaan dijalankan.

ڤليتا بروني PELITA BRUNEI

# دعاء مموهن کڤد الله سوڤاي ترسلامة درڤد بلاء دان سڬل جنيس ڤپاکيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ، وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ أَجْمَعِينَ.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنْتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ ٱللَّهِ ٱلتَّآمَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ شَيْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِ.

بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ دَآءٌ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱفْتَتَحْنَا وَبِٱللَّهِ ٱخْتَتَمْنَا وَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي ٱلْعِزَّةِ وَٱلْجَبَرُوتِ. وَٱعْتَصَمْنَا بِرَبِّ ٱلْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ.

ٱللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ ٱلْبَرَصِ، وَٱلْجُنُونِ، وَٱلْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ ٱلْأَسْقَامِ.

ٱللَّهُمَّ ٱصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وِبِلَادِنَا وَجَمِيعِ ٱلْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ ٱلْبَلَآءَ وَٱلْوَبَآءَ وَٱلطَّعْنَ وَٱلطَّاعُونَ وَسَائِرَ ٱلْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ ٱلرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى ٱللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ وَسَلَّمَ، وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

Ihsan : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## اية الكرسى

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَىُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَىْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ ۚ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

**Peringatan :**
Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَاۚ وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

## (صلوات تفرجية)

ٱللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ ٱلَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ ٱلْعُقَدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ ٱلْكُرَبُ، وَتُقْضَىٰ بِهِ ٱلْحَوَآئِجُ، وَتُنَالُ بِهِ ٱلرَّغَآئِبُ وَحُسْنُ ٱلْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى ٱلْغَمَامُ بِوَجْهِهِ ٱلْكَرِيمِ، وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

**Maksudnya :**
Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

**Penerangannya :**
Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

## سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارُ

ٱللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَآ إِلَٰهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَاْ عَبْدُكَ، وَأَنَاْ عَلَىٰ عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا ٱسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي، فَٱغْفِرْ لِي فَإِنَّهُۥ لَا يَغْفِرُ ٱلذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

**Maksudnya :**
*"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".*

**Fadilatnya :**
Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذكر بچاءن يڠ ممباوا كبراونتوڠن ساڠت بسر كڤد ڤڠعملڽ ( تولق بلاء)

**(1)**

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

**(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

**(2)**

أَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمَ

**(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).**

**Penerangan :**
Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

**(3)**

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

**(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).**

**Penerangan :**
Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

**(4)**

وَأُفَوِّضُ أَمْرِيْ إِلَى اللّٰهِ

**(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

**(5)**

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيْثُ

**(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).**

**Penerangan :**
Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

## JABATAN PENERBANGAN AWAM
## KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

**Bilangan Sebut harga:**
REG / 2024 – 2025 / SH-04

**Tajuk Tawaran:**
Supply And Delivery Of Tablet With Related Software And Services For Regulatory Inspectorate Personnel, Department Of Civil Aviation, Ministry of Transport and Infocommunications

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga :**
18 Disember 2024, Rabu.

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga :**
31 Disember 2024, Selasa.

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**
2 Januari 2025, Khamis
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

**Kepada:**
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga,
Jabatan Penerbangan Awam
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam

**Tajuk Tawaran 1**
To Supply For Airfield Ground Lighting Bulbs & Filter At Brunei International Airport'
AME / 2024 – 2025 / SH-65 / R
(Kelas V atau ke atas)

**Tajuk Tawaran 2**
To Supply And Replace Compound Lighting At Surau LTAB, Brunei International Airport
AME / 2024 – 2025 / SH-79
(Kelas I / II atau ke atas)

**Tajuk Tawaran 3**
To Supply 40 Ft Porta Cabin Including Labour For Relocation Works
AME / 2024 – 2025 / SH-80
(Kelas II atau ke atas)

**Tajuk Tawaran 4**
To Supply And Perform Maintenance Airfield Ground Lighting At Brunei International Airport
AME / 2024 – 2025 / SH-81
(Kelas V atau ke atas)

**Tajuk Tawaran 5**
Term Contract For Air Conditioning Maintenance To "DCA Building" For A Peroid Of Six (06) Months
AME / 2024 – 2025 / SH-82
(Kelas V atau ke atas)

**Tajuk Tawaran 6**
Replacement Of Existing Downlighter At Departure Satellite Lounge At Brunei International Airport
AME / 2024 – 2025 / SH-84
(Kelas I / II atau ke atas)

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
19 Disember 2024, Rabu.

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
7 Januari 2025, Selasa,
tidak lewat jam 2.00 Petang

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
8 Januari 2025, Rabu.

**Kepada:**
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah, Seksyen Kewangan, Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam

## JABATAN BELIA DAN SUKAN
## KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**Bilangan Tawaran:**
(156) JBS / ADM / QC / 2024

**Keterangan:**
Repair Works for Control Panel of Sewerage and Submersible Pump at National Swimming Pool, HBNSC

**Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Tarikh Tutup:**
26 Disember 2024.

## JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
## KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Tajuk Tawaran:**

**Sebut Harga Bagi :**
1. Repair Engine Of Volvo Fl10 BG 8946 (RUJ: JBP / TSH / 60 / 2024 - 2025)

2. Maintenance Of 1 Unit PSS-7000 and 3 Units PSS-90 Draeger Breathing Apparatus Backplate (RUJ: JBP / TSH / 61 / 2024 - 2025)

3. Towing Services For 10 Units Fire Vehicles (RUJ: JBP / TSH / 62 / 2024 - 2025)

4. Membekal dan Menghantar Sijil Bomba (RUJ: JBP / TSH / 63 / 2024 - 2025)

**Tarikh Tutup / Jam:**
Khamis,
19 Disember 2024.
(1.50 Petang)

**Yuran Tawaran:**
BND5.00

## KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

**1. Bilangan Sebut Harga:**
KKW / BPSM / 11 Q.1 / 2025

**Tajuk Sebut Harga:**
Pengendalian Latihan Dalaman (In-House) Bagi Kursus 'Getting Things Done'

**2. Bilangan Sebut Harga:**
KKW / BPSM / 11 Q.2 / 2025

**Tajuk Sebut Harga:**
Pengendalian Latihan Dalaman (In-House) Bagi Kursus 'Emotional Intelligence (EQ)'

**3. Bilangan Sebut Harga:**
KKW / BPSM / 11 Q.3 / 2025

**Tajuk Sebut Harga:**
Pengendalian Latihan Dalaman (In-House) Bagi Kursus 'Intensive Communication Skills'

**4. Bilangan Sebut Harga:**
KKW / BPSM / 11 Q.4 / 2025

**Tajuk Sebut Harga:**
Pengendalian Latihan Dalaman (In-House) Bagi Kursus 'Emerging Leaders'

**Tarikh Tutup :**
Sabtu,
18 Januari 2025

## KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Rujukan Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2024 / MAB / TA / 14
Maintenance Of Fiber Optic Infrastructure Rimba Air Base – Bukit Agok – Penanjong Camp, Ministry Of Defence

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 7 Januari 2025.

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
14 Januari 2025.
2.00 Petang.

**Pemberitahuan Tawaran**

**Bilangan dan Rujukan Tawaran:**
MINDEF / DFA / RC / 267(2)
The Leasing of Printers Including The Supply, Delivery, Installation and Maintenance Services for 3 Years with an Option of 2 Years Extension

**Yuran Tawaran:**
BND500.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran** adalah sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Isnin, 31 Disember 2024.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
21 Januari 2025.
Jam 2.00 Petang.

## INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
## KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**Bilangan Sebut Harga:**
KHEU / ITQ / T / 2105
(2024 - 2025)
Tawaran Membekalkan Satu (01) Unit Kenderaan 11 Penumpang Bagi Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, KHEU

**Tarikh Tutup :**
Rabu,
8 Januari 2025.
Jam 12.00 Tengah Hari.

## JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
## KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**Bilangan Tawaran:**
JKP / LTK / 2024 – 2025 / 1 (R)

**Tajuk Tawaran:**
To Supply One (1) Unit Multipurpose Vehicle For Tourism Development Department

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
24 Disember 2024.
Jam 2.00 Petang.

## JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

1. Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Pembaikan Kerosakan Tandas Awam Di Bawah Kawalan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria
**76 / BBS / SH / BKA / 2024 – 2025 / J.2**

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam (Kelas 1 Kategori B01)

2. Sebut Harga Bagi Proposed New Gas Cylinder Storage For Block 'B' Stall At Tudung Saji Building Kuala Belait, Jalan Setia Diraja Kuala Belait
**77 / BBS / SH / BKA / 2024 – 2025 / J.2**

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam (Kelas 1 Kategori KPB04)

3. Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Membaiki Kerosakan Atap dan Sinta Pada Bilik Menunggu dan Bilik V.I.P. Bangunan Dewan Persidangan Kuala Belait Di Jalan Mckerron Kuala Belait
**78 / BBS / SH / BKA / 2024 – 2025 / J.2**

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam (Kelas 1 Kategori B01)

**Yuran Tawaran :**
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**
31 Disember 2024 (Selasa)

**1. Bilangan Tawaran:**
17 / BBS / SH(K) / 2024 - 2025

**Keterangan Projek:**
Membekalkan 4 Unit Mesin Pencetak Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria

**2. Bilangan Tawaran:**
18 / BBS / SH(K) / 2024 - 2025

**Keterangan Projek:**
Membekalkan 1 Unit Komputer Riba Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria

**3. Bilangan Tawaran:**
19 / BBS / SH(K) / 2024 - 2025

**Keterangan Projek:**
Membekalkan 2 Unit Body Camera (Action Camera) Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria

**4. Bilangan Tawaran:**
20 / BBS / SH(K) / 12024 - 2025

**Keterangan Projek :**
Membekalkan Peralatan-Peralatan Pejabat Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria

**Yuran Tawaran:**
BND5.00 (*Non-Refundable*)

**Tarikh Tutup :**
Selasa,
7 Januari 2025.
Jam 2.00 Petang.

## JABATAN PENGAJIAN ISLAM KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**Bilangan Tawaran:**
KHEU / JPI / LTN / BSK / SMALHB / 09

**Keterangan:**
Tawaran Perkhidmatan Bas Sewa Khas 45 Muatan Sebanyak Dua (2) Buah bagi Kegunaan Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah, Di Bawah Kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Bagi Tempoh Lima (5) Tahun Tahun 1446H-1447H /
2024M-2025M

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
29 Jamadilakhir 1446H /
31 Disember 2024M.
Jam 2.00 Petang.

## JABATAN MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT JABATAN PERDANA MENTERI

ADIL LAILA BAHAGIA

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Kelas I & II Sahaja Di Bawah Kategori B 01 Sahaja**

**Bilangan Tawaran**:
JMM / JKSH / Q&T / 2024 / 30

**Tajuk Tawaran:**
Minor Repair Works To Royal Dais And Other Associated Work To Bangunan Dewan Majlis Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Brunei Darussalam.

**Yuran Tawaran:**
Percuma

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
19 Disember 2024.

**Tarikh Tutup:**
24 Disember 2024.
Jam 2.00 Petang.

## JABATAN DAERAH TUTONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Bilangan Tawaran:**
JDT / KPD / 18 / 2024 - 2025

**Tajuk Tawaran:**
Supply And Install Flat Roof At Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong, Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Tarikh Tutup :**
Isnin,
6 Januari 2025.
Jam 2.00 Petang.

## DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**Bilangan Sebut Harga:**
15 / DBP / SH / 2024 - 2025

**Nama Dokumen Sebut Harga :**
Pembekalan Buku-Buku Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**Harga Borang Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan Sebut Harga:**
16 / DBP / SH / 2024 - 2025

**Nama Dokumen Sebut Harga;**
Pembelian Papan Tanda Peti Pemulangan Buku (Bookdrop) Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**Harga Borang Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan Sebut Harga:**
17 / DBP / SH / 2024 - 2025

**Nama Dokumen Sebut Harga:**
Pembekalan dan Pemasangan Papan Tanda Waktu Operasi Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**Harga Borang Tawaran:**
BND10.00

**Tarikh Tutup Sebut Harga**:
31 Disember 2024.

## JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN TENAGA JABATAN PERDANA MENTERI

**Jemputan Untuk Memberi Tawaran Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam**

**Bil Tawaran:**
JPE / LTK / KOP / 074 / 2024

**Tajuk :**
Supply And Delivery Of Non-Extensible 2R1T Ring Main Unit (Scada Ready)

**Tarikh Tutup:**
7 Januari 2025.
(Selasa, Jam 2.00 Petang)

**Yuran Tawaran:**
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tempat Tutup :**
Tender Box Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, BB3913 Negara Brunei Darussalam.

**Kelayakan:**
Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dalam kategori P05 dan berdaftar di bawah Akta Syarikat-syarikat Penggal 39 serta memiliki Perakuan Penubuhan Syarikat Persendirian yang sah sahaja.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Kaunter Unit Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

**Jemputan Untuk Memberi Tawaran Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam**

**Bil Tawaran:**
JPE / LTK / KOP / 071 / 2024

**Tajuk :**
Supply And Delivery Of 300MM2/3C XLPE H.T Cable

**Tarikh Tutup:**
7 Januari 2025.
(Selasa, Jam 2.00 Petang)

**Yuran Tawaran:**
BND1,000.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tempat Tutup :**
Tender Box Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, BB3913 Negara Brunei Darussalam.

**Kelayakan:**
Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian pembangunan dalam kategori P05 dan berdaftar di bawah Akta Syarikat-Syarikat Penggal 39 serta memiliki Perakuan Penubuhan Syarikat Persendirian yang sah sahaja.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Kaunter Unit Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

## KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**Bil. Sebut Harga:**
KHEU / JPI / JKS / 15 / 2024 - 2025

**Keterangan:**
Mencetak, Membekal Dan Menghantar Buku Teks Baharu Mata Pelajaran Pendidikan Islam (P1) Tahun 2 Bagi Sesi Pembelajaran Tahun 2025, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tahun 1446H-1447H / 2024M-2025M

**Bayaran Yuran Tawaran**:
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup :**
Rabu, 8 Rejab 1446H / 8 Januari 2025M.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

## KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

**Bilangan Sebut Harga:**
MOFE / UPAH / Q / 2024 - 6

**Tajuk Sebut Harga:**
Kerja-Kerja Renovasi, Pembekalan dan Pemasangan *Cubicles and Tables* Di Pejabat Unit Pembangunan Koperasi, Kawasan Lobi, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran / Dokumen :**
Percuma

**Tarikh Tutup :**
Sabtu,
28 Disember 2024.

## KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**Bilangan Sebut Harga:**
09 / KKBS / HK41-2025

**Tajuk Sebut Harga**:
Transportation and Installation Services for Television in Conjunction with 41st Brunei Darussalam National Day Celebration, 2025

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Khamis,
19 Disember 2024.
Jam 2.00 Petang.

## JABATAN DAERAH TUTONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Jawatan Kosong Sebagai**

Penghulu Mukim Tingkat III - PMKK.4
(BND3,880 - BND4,240)

Bagi

**Daerah Tutong**

**Mukim Rambai**

Adalah dimaklumkan bahawa **Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri** dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di Daerah Tutong untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisikan jawatan sebagai Penghulu Mukim Rambai, Daerah Tutong.

**Tatacara Menghadapkan Borang Pencalonan:**

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut:-

**Bahagian Institusi Mukim dan Kampung**
**Jabatan Daerah Tutong**
**Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**
**Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada **Sabtu, 4 Januari 2025. Jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian **+673 4222491 Ext. 110 / 111.**

## JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam**

**Kelas :**
IV, V, VI sahaja

**Kategori :**
KA01 Sahaja

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
Selasa,
24 Disember 2024.

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa,
7 Januari 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSTUT 016 / 2024

**Nama Projek:**
Kerja-Kerja Penurapan Semula Jalan Telisai Tutong Di Daerah Tutong

**No. Projek**
2024 / 25 JKRTUT / TRM / 2106 - 06

**Yuran Tawaran :**
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

---

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam**

**Kategori:**
Sijil Pendaftaran Nama-Nama Akta Perniagaan (Seksyen 16 & 17) & Akta Agensi Keselamatan (Penggal 187)

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSBM034 / 2024

**Bil. Projek**
2024DBSBM / JKR.06

**Nama Projek:**
Kontrak Penggal (24 Bulan) Untuk Perkhidmatan Keselamatan Di JKR (DBS, DOR & DDS), Jalan Lapangan Terbang Lama, Bandar Seri Begawan

**Yuran Tawaran :**
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
Selasa,
24 Disember 2024.

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa,
7 Januari 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

---

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam**

**Kelas :**
II dan III sahaja

**Kategori :**
B01 & KPB02

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSBM033 / 2024

**Bil. Projek**
2024DBSBM / PDB.02

**Nama Projek:**
Kerja-Kerja Membaik Pulih Bangunan Di Pusat Latihan Polis – Dewan Makan, Jalan Gadong

**Yuran Tawaran :**
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
Selasa,
24 Disember 2024.

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa,
7 Januari 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.


## PERATURAN PENGIKLANAN
### (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :
E-MEL :
**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :
**+673 2383400 sambungan Meja Iklan**

**SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.**

**RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.**

**IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.**

# OPERASI SIAGA KESAN PELBAGAI KESALAHAN MAJIKAN

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh**

**BELAIT**, Selasa, 17 Disember. – Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh telah mengendalikan Operasi Siaga 278/2024 bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan, baru-baru ini.

Pemeriksaan yang telah dijalankan di kawasan Kampung Lumut, Kuala Belait telah mendapati sebanyak lima kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan 2009 yang dilakukan oleh majikan, iaitu Bab 10 Majikan tidak menyediakan kontrak perkhidmatan secara bertulis, Bab 44 Membuat pemotongan gaji pekerja yang tidak dibenarkan, Bab 70 Gagal memberikan cuti pada hari kelepasan awam yang diwartakan, Bab 71 Gagal memberikan cuti tahunan dan Bab 112 (2) Kesalahan melanggar syarat-syarat Lesen Pengambilan Pekerja Asing, yang mana pekerja berjawatan Buruh Kedai membuat pekerjaan pemotongan daging.



Bagi kesalahan melanggar Perintah Pekerjaan 2009, jika didapati, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan. Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan 2009 seperti memastikan penyediaan kontrak pekerjaan, pembayaran gaji tepat pada waktunya dan memberikan cuti tahunan berbayar mengikut kelayakan pekerja menurut Perintah Pekerjaan 2009.

Para majikan adalah dinasihatkan untuk tidak menyalahgunakan Lesen Pekerja Asing dan melanggar akta di bawah Perintah Pekerjaan 2009. Untuk maklumat lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).




**BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh semasa mengendalikan Operasi Siaga 278/2024 (atas dan kiri).**

# 2 warga asing didakwa di bawah Akta Imigresen

**Siaran Akhbar : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 17 Disember. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) mengongsikan dua orang individu warganegara Indonesia yang telahpun didakwa di mahkamah.

I Gusti Bagus Ukir Wijaya, lelaki berumur 39 tahun dijatuhkan hukuman enam bulan penjara dan tiga kali sebatan selepas mengaku bersalah bagi pertuduhan di bawah Bab 15 (1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di Negara Brunei Darussalam (NBD) setelah Pas Imigresen beliau mansuh. Hukuman bermula pada 11 Disember 2024.

Manakala itu, Baiq Sri Pujiani, perempuan berumur 27 tahun juga mengaku bersalah bagi kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresennya mansuh. Beliau dijatuhkan hukuman penjara selama enam bulan bermula pada 14 Disember 2024.

Kes-kes pendakwaan berkenaan merupakan hasil daripada operasi penguatkuasaan JIPK yang telah dijalankan di bawah Operasi Kabat JIPK.

Sehubungan dengan itu, JIPK mengalu-alukan kerjasama orang ramai yang mempunyai maklumat berkenaan pesalah-pesalah imigresen untuk menghubungi terus ke Talian Hotline JIPK di talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).




# Miliki rokok : Lelaki tempatan didenda

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**

**KUALA BELAIT**, Isnin, 16 Disember. - Seorang lelaki warga tempatan dijatuhkan hukuman denda sebanyak BND10,000 atau 10 bulan pemenjaraan jika gagal membayar denda atas satu pertuduhan di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006.

Hakim, Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid menjatuhkan hukuman tersebut ke atas Mohammad Ali bin Sulaiman, 42 tahun di Mahkamah Majistret, hari ini.

Defendan mengaku bersalah atas kesalahan memiliki 11 karton dan 15 batang rokok.

Defendan ditangkap oleh Pegawai Operasi Kuala Belait Jabatan Kastam dan Eksais Diraja di sebuah rumah kawasan RPN Kampung Lumut pada 5 Oktober 2023.

Kesemua barang yang terlibat iaitu rokok dihukum rampas untuk diserahkan ke kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.

# Didenda akibat miliki barang tegahan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 16 Disember. – Majistret, Nur Eleana binti Dato Seri Paduka Haji Hairol Arni memerintahkan seorang lelaki warga tempatan untuk membayar denda sebanyak BND10,000 dan jika gagal membayar keseluruhan denda dijatuhkan hukuman 10 bulan pemenjaraan.

Rodney Kaesberry, 47 tahun mengaku bersalah atas dua pertuduhan di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006.

Defendan didakwa atas kesalahan memiliki tiga karton pelbagai jenis dan dua botol minuman keras pelbagai jenis tanpa permit dan kebenaran yang sah.

Kesemua barang yang terlibat, iaitu rokok dan minuman keras juga dihukum rampas untuk diserahkan kepada pihak kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.

Pegawai Pemeriksaan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja telah menjalankan tangkapan terhadap defendan pada 5 Mac 2024 jam 10.05 malam di bahagian masuk, Pos Kawalan Kuala Lurah.



Pelita Brunei

# PAS IMIGRESEN MANSUH : 6 WARGA ASING DITAHAN

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan**






**OPERASI penguat kuasa undang-undang di bawah Operasi Kabat 136/2024 yang menyasarkan kepada beberapa buah rumah dan bilik sewa di Mukim Kilanas (atas dan atas kanan).**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 16 Disember. – Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) melalui Bahagian Penguatkuasa Undang-undang, Bandar Seri Begawan telah melaksanakan satu operasi penguat kuasa undang-undang di bawah Operasi Kabat 136/2024 yang menyasarkan kepada beberapa buah rumah dan bilik sewa di Mukim Kilanas.

Pemeriksaan dijalankan ke atas 11 orang warga asing yang mana enam orang daripadanya ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut kerana dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di Negara Brunei Darussalam (NBD) setelah Pas Imigresen mereka mansuh.

Selain daripada itu, JIPK turut mengongsikan dua kes pendakwaan yang telah dijalankan di bawah Akta Imigresen, Penggal 17.

Apo Barman, 37 tahun, seorang lelaki warganegara Bangladesh telah pun dijatuhkan hukuman penjara selama 10 bulan penjara dan tiga kali sebatan kerana didapati bersalah melakukan empat kesalahan iaitu bagi kesalahan pertama di bawah Bab 5(1), Akta Imigresen, Penggal 17, masuk ke NBD tanpa melalui pos kawalan yang diisytiharkan, kesalahan ke dua di bawah Bab 6(1)(C), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal di negara ini tanpa mempunyai Pas Imigresen yang sah, kesalahan ke tiga di bawah Bab 5(2), Akta Imigresen, Penggal 17, iaitu keluar dari NBD tidak melalui pos kawalan yang diisytiharkan dan kesalahan ke empat di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di negara ini.

Kes berkenaan adalah susulan daripada hasil tangkapan yang dilaksanakan daripada Operasi Kabat JIPK 91/2024 di kawasan sekitar Pos Kawalan Imigresen Sungai Tujuh, Kuala Belait.

Suryani, lelaki berumur 57 tahun, warganegara Indonesia telah pun dijatuhkan hukuman 12 bulan penjara dan denda sebanyak BND800 sebagai gantian kepada sebatan atas kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal di negara ini setelah Pas Imigresennya mansuh.

Walau bagaimanapun, beliau gagal membayar denda tersebut yang menjadikan jumlah hukuman pemenjaraan beliau kepada 13 bulan. Hukuman berkuat kuasa bermula 12 Disember 2024. Kes ini adalah susulan daripada Operasi Kabat JIPK 136/2024 yang dijalankan di kawasan tapak pembinaan rumah di Mukim Kilanas.

Bagi sebarang maklumat berhubung dengan pesalah Imigresen, JIPK mengalu-alukan orang ramai untuk menghubungi Talian Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).

## Bantu kesan pesalah buruh

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 16 Disember. – Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) memohon kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan seorang buruh dipercayai lari daripada majikan, iaitu Jumiati, seorang perempuan warganegara Indonesia berumur 22 tahun dengan nombor PPT AU602260.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi ke Balai Polis Limau Manis melalui talian +673 2683035 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana balai polis berdekatan.



**SEORANG buruh dipercayai lari daripada majikan, iaitu Jumiati.**




Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

## Udang Masak Kunyit Bersantan

## Kampung Mata-Mata

**BAHAN-BAHANNYA :**
1 hingga 2 kilogram udang
2 helai daun kunyit
Sedikit bancuhan air asam jawa
Serai yang dititik
4 biji tomato
1 sudu kecil serbuk kunyit
Kacang panjang / kacang buncis
2 batang lobak merah
Air secukupnya
Gula dan garam

Bahan untuk dikisar halus / ditumbuk :
5 ulas bawang merah
5 ulas bawang putih
3 ulas kunyit hidup
7 biji cili padi (ikut tahap kepedasan)

**CARA MEMASAK :**
Tuang sedikit minyak ke dalam kuali dan panaskan. Tumis bahan kisar / tumbuk hingga pecah minyak. Masukkan serai dan daun kunyit. Masukkan lobak dan sayur kacang, lalu masukkan juga udang, sedikit air, santan dan serbuk kunyit. Kecilkan api, sentiasa kacau dan masukkan garam dan gula.
Akhir sekali masukkan tomato, tunggu seminit lalu tutup api. Sedia untuk dihidang.

# PELANCONGAN DOMESTIK, TINGKATKAN EKONOMI NEGARA

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Suzani Adina Haji Marzoki






MELANCONG dalam negara sendiri memberikan peluang kepada kita untuk menghargai tempat-tempat yang menarik di negara ini (kiri, atas dan bawah kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 16 Disember. – Kepelbagaian destinasi pelancongan yang ditawarkan di negara ini telah menarik pelancong dari dalam dan luar negara. Namun, pelancong dalam negara memainkan peranan yang sangat penting demi menaikkan ekonomi negara.

Melancong dalam negara sendiri memberikan peluang kepada kita untuk menghargai tempat-tempat yang menarik di negara ini. Bercuti dalam negara mempunyai banyak kelebihannya tersendiri dan negara kita tidak kurang hebatnya mempunyai banyak tempat pelancongan yang menarik dan sesuai untuk dijadikan destinasi percutian, malah sebanding pengalamannya seperti bercuti di luar negara kerana negara kita juga mempunyai banyak faktor dan daya tarikannya tersendiri.

Rata-rata mereka yang mengambil keputusan untuk bercuti dalam negara menyatakan berpeluang untuk menerokai dan mengenali dengan lebih dekat tentang kebudayaan dan warisan negara sendiri yang kaya dengan pelbagai keindahan khazanah alam semula jadi serta tempat-tempat menarik seperti Jerudong Park, Taman Rekreasi Tasek Lama, Tasek Merimbun, Muzium Alat Kebesaran Diraja, menelusuri keindahan Kampong Ayer, Ulu Temburong National Park serta menikmati keindahan pantai-pantai di negara ini.

Aktiviti ini akan meningkatkan permintaan terhadap perkhidmatan pelancongan tempatan seperti penginapan, restoran dan pengangkutan.

Sebagai contoh, perkembangan industri pelancongan boleh meningkatkan tempahan penginapan hotel terutama semasa cuti persekolahan di mana banyak pelancong tempatan menginap di hotel-hotel bagi meluangkan masa bersama ahli keluarga.

Beberapa hotel di negara ini telah menerima maklum balas sangat menggalakkan daripada para pelanggan. Menginap di hotel-hotel tempatan ini boleh membantu ekonomi perhotelan yang mampan dan rakyat negara ini berperanan dalam menyokong meningkatkan pertumbuhan perniagaan hotel khasnya dan ekonomi negara amnya.

Antara manfaat lain, melancong di dalam negara juga boleh menjimatkan kewangan dan masa. Pelancong tidak perlu menghabiskan banyak wang untuk berbelanja di negara luar. Selain itu juga, dapat mengurangkan masa perjalanan yang diperlukan.

Oleh itu, melancong di negara sendiri dapat menjelajah dan menghargai keindahan serta kepelbagaian yang ditawarkan oleh negara kita. Pada masa yang sama, aktiviti sedemikian dapat memberikan sumbangan kepada pertumbuhan dan pembangunan negara dalam Sektor Pelancongan.



# ALAI PINTAR

SOALAN 139

## SOALAN 18 DISEMBER 2024, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

1. Apakah kata antonim bagi bersih?
   a) Harum
   b) Selesa
   c) Kotor
2. Kuala Belalong antara daya tarikan yang terdapat di Negara Brunei Darussalam, terletak di Daerah mana?
   a) Daerah Belait
   b) Daerah Temburong
   c) Daerah Tutong
3. Definisi MIB ialah?
   a) Melayu Islam Beraja
   b) Melayu Islam Brunei
   c) Melayu Islam Brunai

TARIKH TUTUP : 28 DISEMBER 2024

## SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
   - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama,Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
   - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
   - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
   - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
3. Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian **+673 8945310** atau emel ke **pelita.brunei@information.gov.bn**
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama : ..................................................
Tarikh Lahir : ..................................................
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : ..................................................
Sekolah : ..................................................
Tahun : ..................................................
Alamat : ..................................................
..................................................
bor Telefon (mudah dihubungi) : ..................................................

## HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

## PEMENANG ALAI PINTAR 138 :

Nama : Muhd. Naim bin Muhd. Azrin
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0129056-01. Sekolah : Sekolah Rendah Kg. Mata-Mata, Gadong

Nama : Muhammad Eijaz Nabil bin Abdul Ghalib
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0140487-01. Sekolah : Sekolah Bright Jigsaw, Salambigar

Nama : Nurzahrah Rania binti Muhd. Azrin
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 01-193486. Sekolah : Sekolah Rendah Kg. Mata-Mata, Gadong

## JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 138

1. A – Kepulauan Borneo
2. B – 6,608
3. A – Tubuh

# Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam pelopor Sastera Melayu Islam Beraja

**Oleh : Jabatan Mufti Kerajaan dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei**
**Foto : Jabatan Penerangan**



**AL-MARHUM Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam pelopor Sastera Melayu Islam Beraja.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**
**Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Anbiyaa Iwal Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een**

**SAYA** hanya akan mengambil sepotong dari tajuk yang diberikan. Tajuk penuh berbunyi : **'Falsafah Melayu Islam Beraja Dalam Sastera: Sumbangan Ke arah Mencapai Wawasan Brunei 2035'. Saya hanya akan fokus kepada : 'Falsafah Melayu Islam Beraja Dalam Sastera' sahaja.**

Falsafah ini perlu dilihat dari sudut sastera. Kerana ianya belum lumrah dikaitkan dengan sastera. Sastera bagi kebanyakan orang hanya luahan minda untuk berhibur atau berseronok-seronok melalui tulisan-tulisan kreatif seperti novel, cerpen, syair, sajak dan drama.

Seorang sasterawan negara Malaysia, A. Samad Said pernah berkata : "Parti siasah tidak terpesona dengan sastera, bahkan kadang-kadang sastera itu menjadi bahan tertawaan".

Saya pula tidak melihat sastera menjadi bahan tertawaan, tetapi melihatnya sebagai alat mencari kepuasan. Contohnya, seorang pembaca novel ratusan lembar, tidak akan berhenti membaca, sehingga ratusan lembar itu habis dibaca. Kalau dia berhenti pun hanya untuk rehat sebentar seperti untuk makan dan buang air, kemudian selepas itu dia membaca semula.

Demikian pesona sastera.

Tetapi dalam pada itu, bukan semua orang meminati sastera. Bahkan para siswa di kuliah sastera belum tentu menjadi peminat tegar sastera.

Saya pernah dijumpai oleh sekumpulan para mahasiswi. Mereka diarahkan oleh pensyarah mereka untuk membuat kajian mengenai ADI RUMI.

Saya bertanya : "Sudahkah kalian membaca karya-karya Adi Rumi?"

Semuanya *menggiling* - belum.

*Subhanallah*, mahu mengkaji tentang Adi Rumi, tetapi belum pernah membaca sebarang karya Adi Rumi.

Ah, inilah gambaran, sastera itu ibarat si dagang kurang dipeduli.

Mengapa sastera kurang dipeduli? Barangkali juga menyangkut faktor ekonomi, iaitu sastera tidak mendatangkan hasil yang baik dari sudut ekonomi. Memang kita sedia maklum, belum pernah ada di Nusantara seorang yang kaya raya kerana sastera. Yang miskin ada.

Namun kalau kita masyarakat budiman, tentu saja kita tidak akan lupa, bahawa golongan penggerak perjuangan di Nusantara adalah orang-orang sastera. Ramai penulis-penulis besar di Indonesia dan Malaysia sebagai contoh, mereka tidak kering tinta untuk mengajak rakyat berjuang membebaskan tanah air daripada belenggu penjajahan, sekali pun terpaksa untuk keluar masuk penjara.

Di negara Malaysia sebagai contoh, 'Nama Besar', Ishak Haji Muhammad atau Pak Sako yang menghasilkan beberapa buah novel antaranya : Anak Mat Lila Gila dan Putera Gunung Tahan, kerana semangat juangnya yang sentiasa membara, membawa beliau sampai dua kali meringkuk dalam penjara. Hanya apabila Malaysia merdeka, beliau baru dikenang untuk menerima Ijazah Kehormat Doktor Persuratan dan sekali lagi dianugerahkan gelaran 'Pejuang Sastera'.

Dari perwatakan dan syakhsiyah para sasterawan, menunjukkan mereka adalah patriot. Mereka tidak henti-hentinya menyiram dan membajai semangat juang bangsa dengan karya-karya mereka. Mereka mengajak umat supaya mencintai negara, memelihara ugama, dan sangat marah apabila raja dan bangsa dihina atau bahasa ibunda tidak didaulatkan oleh bangsa sendiri dan lain-lain.

Para sasterawan juga lantang mengungkap mengenai budaya. Mereka mengajak supaya budaya dipelihara dan dipertahankan. Jangan ia dinoda dengan menukarnya kepada budaya asing.

Ramai mungkin tidak menyedari, bahawa penjajahan bukan semata-mata berlaku ke atas negeri / ke atas manusia, tetapi penjajahan juga boleh berlaku ke atas budaya dan pemikiran. Sebagai contoh mudah, manakala seorang anak gadis Melayu Muslim memakai skirt pendek melepasi lutut, tidakkah ini namanya budaya si gadis itu sudah dijajah oleh budaya asing?

Kalau orang lain lambat menyedari atau tidak mahu ambil peduli perkara seperti ini, tetapi orang sastera, sama ada noveliskah dia atau cerpenis atau pemuisi atau pengkritik sastera, mereka biasanya tidak akan duduk diam, malah dengan segera akan tampil menyuarakan pandangan atau nasihat melalui tulisan-tulisan kreatif mereka atau tulisan biasa berbentuk esei.

Inilah yang lazim menjadi sifat para sasterawan. Mereka tidak mudah dipujuk untuk lebih baik diam dari membuka mulut atau menulis. Atau lebih jauh, para sasterawan juga tidak mudah dirasuah untuk menyampaikan hajat perasuah. Tidak mudah menerima rasuah sama ada berupa mata benda atau pangkat dan lain-lain. Lebih-lebih lagi sasterawan MIB, tentu sahaja mereka menolak pujukan dan rasuah, kerana pujukan yang bertujuan salah dan rasuah hukumnya adalah haram di sisi-sisi undang-undang dan ugama. Para sasterawan MIB tidak bersedia untuk telibat dengan perkara-perkara haram seperti ini.

Inilah sifat mutlak sastera MIB. Para sasterawan MIB adalah pendukung tiga serangkai : Melayu (M) Islam (I) dan Beraja (B).

Tiga-tiga ini tersimpul kuat oleh 'cinta' leluhur : Cinta kepada Melayu (bangsa), Cinta kepada Islam (pegangan) dan Cinta kepada Raja (ketua atau pemimpin).

Kalau ini ada pada seorang sasterawan, maka setiap sastera yang dihasilkannya adalah layak untuk diberi jolokkan 'Sastera MIB'.

Maka ertinya, rata-rata hasil sastera di Brunei adalah ia 'Sastera MIB'. Karya Yura Halim adalah sastera MIB. Karya Yahya M.S adalah sastera MIB. Karya Badaruddin H.O adalah sastera MIB. Karya Syukri Zain adalah sastera MIB. Karya Zairis M.S adalah sastera MIB. Karya Muslim Burmat adalah sastera MIB dan lain-lain lagi karya para sasterawan kita, seperti karya A. Hashim Hamid, karya K. Manis, karya Rahim MS, karya Wijaya, karya Abdullah Tahir, karya Adi Kelana, karya Aminah Haji Momin dan lain-lain. Adalah semua itu tidak lari dari sastera MIB. Kecuali jika tema, plot dan semangatnya bertentangan dengan MIB, maka barulah kita keluarkan ia dari wadah / landasan MIB.

Macam mana dan bila sesebuah karya sastera itu dapat dikeluarkan dari rumpun MIB? Mudah saja, memadai dengan cuma melihat kepada lahiriahnya saja, tidak perlu menggali dalamannya. Misalnya, dari tajuk sahaja pun sudah boleh ditentukan status sesebuah hasil karya, sama ada ia Islamik atau bukan.

Satu contoh, pada sekitar tahun 60an, di negara jiran, telah tersiar dalam akhbar sebuah sajak berjudul : 'Tuhan Sudah Mati'. Sajak ini sampai mencetuskan kritikan dan polimik yang hangat di kalangan masyarakat. Pada saya, ini sahaja pun sudah cukup untuk mencacatkan akidah, kerana akidah boleh rosak disebabkan sama ada kerana niat atau pengucapan atau perbuatan.

Saya yakin, semua sasterawan Brunei adalah sasterawan MIB. Kecuali jika berlaku perbuatan berkarya seperti penulis sajak 'Tuhan Sudah Mati'. Maka itu lainlah keadaannya. Tegasnya, jika ada sasterawan Brunei menghasilkan karya menghina agama, menghina Nabi, menghina Islam, menghina raja dan lain-lain seumpamanya, maka hasil karya sasterawan seperti ini, bukan ia sastera MIB.

Begitu juga karya-karya menyokong musuh yang memerangi Islam dan orang Islam, seperti Zionis terhadap umat Palestin, maka jika berlaku ini dalam karya-karya orang Brunei, nescaya tidaklah dapat kita menganggapnya sebagai sastera MIB, sebaliknya mungkin sesuai untuk dinamakan ia 'Sastera Fasik' atau 'Sastera Murtad'.

Namun saya tidak fikir akan ada para sasterawan Brunei yang jadi pembelot kepada MIB, dalam makna belot kepada bangsa (Melayu), belot kepada Islam (agama) dan belot kepada raja (ketua / pemimpin).

Bahkan orang Brunei tulin / sasterawan Brunei tulin akan kekal menjadi pencinta MIB, penghayat MIB, pengasyik MIB. Ini telah saya alami sendiri, bahawa oleh kerana terlalu sayang kepada MIB, terlalu asyik diulit oleh MIB, sehingga tanpa saya menyedarinya, tangan ini terus menari menghayun pena menghasilkan tiga buah antologi puisi panjang masing-masing berjudul :

1. Melayu Islam Beraja Mahkota Negara (76 muka surat).
2. Negara Dzikir (61 muka surat).
3. Perintah Kanun Jenayah Syar'iah Neraca Allah (118 muka surat).

Saya seperti kurang percaya, bagaimana saya dapat menghasilkan tiga buah karya panjang berbentuk puisi yang berinti-patikan MIB, kalau bukan saya ini pencinta MIB, pengasyik MIB, tentu saja tidak boleh menghasilkan puisi sepanjang itu.

Kalau mahu berseronok dengan MIB, kita boleh dekati syair-syair Al-Marhum Sultan Haji 'Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien seperti syair-syair baginda dalam buku 'Syair Nasihat' di mana banyak nasihat-nasihat baginda yang berunsurkan MIB. Di antaranya baginda menggalakkan mencari ilmu, menggalakkan berusaha, menggalakkan bersabar, menggalakkan bertawakkal dan menggalakkan merendah diri. Semua itu adalah pati ajaran Islam dari tubuh MIB.

Mari kita luangkan sedikit masa untuk menikmati antara lain wadah penyair :

1. Mengenai ilmu, penyair bermadah :

Menuntut ilmu sangat disuruh
Jangan memilih dekat dan jauh
Hendaklah diaji bersungguh-sungguh
Mudahan menjadi pelita suluh.
Wahai anakanda emas tampawan
Cahaya mata ayahandamu tuan
Bersegeralah mencari ilmu pengetahuan
Itulah senjata yang setiawan.
Ialah sahabat yang pengasih
Barang setapak tidak beralih
Boleh dijadikan pahlawan terpilih
Kebal dan kuat tiada digalih.

2. Mengenai usaha dan tawakkal pula, penyair bermadah :

Tatkala berusaha hendaklah tabah
Hati di dalam jangan gelisah
Serta tawakkal kepada Allah
Perkara yang sukar menjadi mudah.

3. Mengenai merendah diri, ujarnya :

Muda berbangsa cahayanya ayah
Berlemah gemalai menghamburkan madah
Semakin berbangsa semakin merendah
Buatkan amalan jangan bersudah.

Inilah antara madah-madah indah lagi bertenaga seorang sasterawan besar negara. Al-Marhum tidak diragukan lagi adalah bapa MIB. Syair-syair baginda adalah sastera MIB. Walaupun madah atau ungkapan tidak menyebut MIB, tetapi cita rasa dan semangat yang tertanam di dalam karya-karya baginda adalah cita rasa dan semangat MIB.

Bagi saya, tanpa ada sebarang keraguan lagi, bahawa Al-Marhum adalah bapa MIB, pelopor dan pencetus unggul sastera MIB.

Sastera MIB bukan sastera yang sempit, bersifat kedaerahan, bukan! Tetapi sastera MIB adalah luas, terbuka, bertaraf dunia, universal, kerana di dalam sastera MIB itu ada 'Islam'. Bukankah Islam itu sifatnya syumul tanpa batasan atau sempadan?

Sekian, selebihnya kita serahkan kepada para sarjana untuk mengkaji, membahas, menilai dan membuat rumusan ilmiah mengenainya.

*Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

**BERIKUT disiarkan semula ucap utama yang disampaikan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned yang telah disiarkan di Pelita Brunei pada keluaran Sabtu, 14 Disember 2024 dengan beberapa pembetulan.**



**MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned semasa ucap utama pada Pertemuan Sasterawan Brunei Ke-8 (PSB VIII) 2024 pada Selasa, 24 Jamadilawal 1446 Hijrah bersamaan 26 November 2024 Masihi bertempat di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka.**



# Kemeriahan cuti sekolah hujung tahun dipenuhi pelbagai aktiviti menarik

**Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland**
**Foto : Jabatan Penerangan**

CUTI sekolah hujung tahun sememangnya waktu yang paling dinanti-nantikan oleh para pelajar dan ibu bapa. Pelbagai aktiviti menarik diadakan sepanjang bulan Disember di negara ini. Kemeriahan aktiviti cuti sekolah bukan sahaja dapat memberikan hiburan kepada anak-anak malah turut membantu memperkukuh hubungan kekeluargaan dan menyemai nilai-nilai murni.

### Melancong ke destinasi menarik

Antara aktiviti yang sering menjadi pilihan ialah melancong ke destinasi menarik di dalam atau luar negara. Melancong bukan sahaja menyeronokkan, malah turut memberi peluang kepada anak-anak untuk mempelajari budaya, sejarah dan gaya hidup sihat masyarakat di tempat yang dikunjungi. Bagi keluarga yang memilih untuk melancong ke luar negara, pengalaman berinteraksi dalam suasana dan budaya asing pasti meninggalkan kenangan manis yang sukar dilupakan. Selain melancong, ibu bapa juga boleh mendekatkan anak-anak kepada suasana alam semula jadi. Berkunjung di kawasan hutan atau pantai boleh membantu mereka memupuk rasa cinta terhadap alam persekitaran dan meningkatkan kesedaran tentang pentingnya menjaga kelestarian ekosistem. Dalam masa yang sama, aktiviti ini juga dapat melatih daya ketahanan fizikal dan mental anak-anak.

### Riadah ke pantai

Pantai pula menjadi destinasi yang cukup popular pada musim cuti sekolah hujung tahun. Suasana pantai yang nyaman dengan angin dan alunan ombak memberikan ketenangan kepada sesiapa sahaja yang berkunjung. Kanak-kanak biasanya teruja untuk bermain pasir di pesisiran pantai, membina istana pasir atau bermandi-manda di laut. Tidak kurang juga yang mengambil kesempatan untuk mencuba aktiviti lain seperti menunggang kuda, memanah, tarik kalat, sukan ATV (All Terrain Vehicle) dan sebagainya. Bagi ibu bapa, pantai adalah tempat terbaik untuk berehat sambil memerhatikan gelagat anak-anak mereka.

Di pantai juga, keluarga boleh mengadakan aktiviti seperti berkelah atau barbeku. Suasana santai sambil menikmati juadah enak di tepi pantai pasti mencipta kenangkan indah bersama keluarga. Selain itu, ibu bapa boleh memanfaatkan waktu bersama untuk mendidik anak-anak tentang kepentingan menjaga kebersihan pantai dan tidak membuang sampah merata-rata. Dengan ini dapat mendidik generasi muda untuk menghargai dan melindungi keindahan alam sekitar.

Selain itu, pantai juga menyediakan peluang untuk aktiviti riadah ke arah gaya hidup sihat. Aktiviti seperti berjoging di sepanjang pantai, bermain bola tampar atau berjalan kaki sambil menikmati pemandangan laut dapat meningkatkan tahap kesihatan fizikal dan mental.

### Festival hujung tahun

Festival hujung tahun adalah acara yang ditunggu-tunggu oleh masyarakat. Acara ini bukan sahaja menjadi peluang untuk meraikan pencapaian sepanjang tahun tetapi juga memeriahkan suasana dengan pelbagai aktiviti kebudayaan, hiburan dan jualan istimewa. Lokasi-lokasi seperti pusat bandar, kompleks membeli-belah dan destinasi pelancongan sering menjadi tumpuan untuk penganjur festival menarik kehadiran pelbagai lapisan masyarakat. Festival ini juga sering disertai dengan pesta jualan besar-besaran. Pelbagai gerai jualan dibuka untuk menawarkan produk seperti makanan, minuman, pakaian, elektronik dan sebagainya. Bagi peniaga kecil dan sederhana, festival menjadi peluang untuk mempromosikan produk mereka kepada orang ramai.

Selain itu, festival hujung tahun juga memberi tumpuan kepada aktiviti keluarga, dengan menyediakan pelbagai permainan interaktif dan riadah yang sesuai untuk semua peringkat umur. Kanak-kanak, khususnya pasti teruja dengan taman permainan mini yang disediakan. Bagi golongan dewasa pula, festival menawarkan pelbagai peluang pembelajaran melalui bengkel dan ceramah. Aktiviti seperti ini bukan sahaja menambah ilmu tetapi juga membuka peluang untuk membina jaringan sosial baharu. Ia juga memberi peluang kepada pengunjung untuk berehat dan menyegarkan minda setelah melalui kesibukan sepanjang tahun.

Suasana perayaan dalam festival hujung tahun juga tidak lengkap tanpa kehadiran pelbagai juadah istimewa. Gerai makanan yang menawarkan pelbagai hidangan tempatan dan antarabangsa juga menjadi tumpuan ramai. Dengan adanya festival hujung tahun ini, membawa pelbagai manfaat kepada masyarakat termasuk mengeratkan hubungan sosial dan memacu ekonomi tempatan.

### Pesta jualan

Pesta jualan hujung tahun juga merupakan acara yang sering diadakan sempena hujung tahun. Acara ini bukan sahaja membuka peluang untuk orang ramai membeli-belah pada kadar harga yang lebih rendah malah turut menyemarakkan suasana perayaan dengan pelbagai aktiviti menarik yang dianjurkan. Salah satu tarikan utama pesta jualan hujung tahun ialah potongan harga yang menarik di mana kedai-kedai menawarkan diskaun yang tinggi untuk produk mereka termasuk pakaian, barangan elektronik, kelengkapan rumah dan banyak lagi. Ini merupakan peluang terbaik bagi pengguna untuk mendapatkan barangan idaman pada harga yang jauh lebih murah daripada biasa. Namun, dalam keseronokan membeli-belah, pengguna juga perlu bijak dalam menguruskan perbelanjaan mereka.

### Beringat-ingat semasa bercuti

Namun, dalam keseronokan mengisi masa cuti, aspek keselamatan tidak boleh diabaikan. Ibu bapa perlu memastikan keselamatan anak-anak mereka sama ada di rumah, di tempat awam atau semasa melakukan aktiviti luar ketika cuti persekolahan, kebanyakan penghuni rumah akan melancong keluar negara bersama keluarga. Oleh itu, orang ramai dinasihatkan untuk membuat senarai semak setiap kali sebelum meninggalkan rumah iaitu dengan memastikan mana-mana peralatan elektrik yang tidak diperlukan hendaklah dimatikan, menutup atau mencabut kepala gas memasak untuk mengelakkan sebarang kebocoran gas berlaku serta memberitahu keluarga atau jiran yang terdekat semasa ketiadaan di rumah.

Bagi mereka yang mengendalikan aktiviti riadah di pantai adalah diingatkan untuk mengetahui beberapa aspek keselamatan ketika berenang atau melakukan aktiviti lain di pantai seperti tidak berenang ketika keadaan cuaca buruk atau berombak kuat serta tidak sesekali membiarkan anak-anak berenang di pantai tanpa pengawasan.

### Penutup

Cuti sekolah hujung tahun adalah masa yang amat berharga untuk memupuk hubungan kekeluargaan dan membina kenangan indah bersama keluarga. Dengan perancangan yang rapi, pelaksanaan aktiviti yang bersesuaian dan langkah keselamatan yang diutamakan, cuti sekolah boleh menjadi pengalaman yang menyeronokkan dan bermanfaat.





BERITA GLOBAL

# UK UMUM BANTUAN £50 JUTA UNTUK RAKYAT SYRIA SELEPAS KEJATUHAN AL-ASSAD

**KUALA LUMPUR**, 16 Dis. - Kerajaan United Kingdom mengumumkan bantuan kemanusiaan sebanyak £50 juta (US$63.1 juta) untuk rakyat Syria yang terjejas di seluruh Timur Tengah selepas kejatuhan rejim Bashar al-Assad.

Bantuan kecemasan itu akan disalurkan melalui agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan badan bukan kerajaan kepada penduduk di Syria serta pelarian di Lubnan dan Jordan, menurut Pejabat Luar Negeri UK.

Britain pada Sabtu menyertai rundingan di Aqaba yang dianjurkan oleh Jordan dan dihadiri menteri serta delegasi dari Amerika Syarikat, Perancis, Jerman, Kumpulan Perhubungan Arab, Bahrain, Qatar, Turkiye, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Kesatuan Eropah (EU) dan PBB.

Rundingan itu mencapai persetujuan mengenai pentingnya membentuk kerajaan yang "tidak bersifat sektarian dan inklusif," melindungi hak asasi manusia, memastikan akses tanpa halangan kepada bantuan kemanusiaan, pemusnahan senjata kimia secara selamatserta memerangi keganasan.

"UK menggesa kerajaan peralihan untuk mematuhi prinsip-prinsip ini demi membina Syria yang lebih aman, selamat dan penuh harapan," kata Pejabat Luar Negeri pada Ahad.

Sebanyak £120,000 dana UK turut disediakan kepada Pertubuhan Larangan Senjata Kimia (OPCW), menurut jabatan itu.

Sebanyak £30 juta akan disalurkan di Syria untuk penyediaan makanan, tempat perlindungan dan penjagaan kesihatan kecemasan, manakala £10 juta akan disalurkan kepada Program Makanan Dunia (WFP) di Lubnan dan £10 juta lagi kepada WFP serta agensi pelarian PBB, UNHCR, di Jordan.

Langkah ini dibuat seminggu selepas kejatuhan rejim al-Assad susulan serangan pantas oleh kumpulan Hayat Tahrir al-Sham (HTS).

Setiausaha Luar David Lammy berkata: "Kejatuhan rejim al-Assad memberikan peluang sekali dalam satu generasi untuk rakyat Syria.

"Kami komited untuk menyokong rakyat Syria dalam menentukan masa depan mereka, pertama dengan menyediakan bantuan £50 juta untuk makanan, penjagaan kesihatan dan keperluan kemanusiaan. Kedua, dengan berusaha secara diplomatik untuk membantu mewujudkan tadbir urus yang lebih baik bagi masa depan Syria.

"Hujung minggu ini, UK dan rakan kongsinya telah bersetuju dengan prinsip-prinsip yang diperlukan untuk menyokong proses politik peralihan yang dipimpin oleh rakyat Syria. Adalah penting bagi bakal kerajaan Syria menyatukan semua kumpulan untuk mewujudkan kestabilan dan penghormatan yang sewajarnya untuk rakyat Syria. - ©BERNAMA

## Filipina arah pemindahan sepenuhnya penduduk susulan kemungkinan letusan semula gunung berapi

**MANILA,** 16 Dis. - Filipina mengarahkan pihak berkuasa tempatan pada Ahad untuk melengkapkan proses pemindahan penduduk dalam zon bahaya sekitar enam kilometer daripada Gunung Berapi Kanlaon menjelang Isnin berikutan peningkatan aktiviti gunung berapi itu, lapor Xinhua.

Kanlaon, yang terletak di sempadan Wilayah Negros Oriental dan Negros Occidental di Pulau Negros, Filipina tengah, meletus pada 9 Disember lepas, menghamburkan kepulan besar abu yang menjulang lebih 4,000 meter ke udara.

Arahan itu dikeluarkan oleh Raul Fernandez, Pengarah Pejabat Pertahanan Awam di Wilayah Visayas Barat, meminta pihak berkuasa tempatan di kedua-dua wilayah itu menyelesaikan pemindahan penduduk menjelang Isnin.

Langkah itu diambil susulan peningkatan aktiviti gunung berapi yang mendorong pihak berkuasa bertindak pantas bagi melindungi penduduk daripada bahaya risiko. Bagaimanapun, terdapat segelintir penduduk yang enggan meninggalkan zon bahaya meskipun berdepan ancaman letusan besar.

Penduduk yang masih belum berpindah diminta mematuhi arahan itu bagi mengelakkan risiko akibat kemungkinan letusan baharu, kata Fernandez. Beliau menegaskan kerajaan telah melaksanakan strategi pemindahan menyeluruh untuk menyelamatkan nyawa dan mengurangkan penderitaan sekiranya berlaku letusan yang dahsyat.

Pada Jumaat, Presiden Ferdinand Marcos Jr memaklumkan lebih 45,000 penduduk dari perkampungan sekitar gunung berapi itu telah dipindahkan ke lokasi selamat.

Marcos turut memaklumkan kerajaan menyasarkan pemindahan kira-kira 84,000 penduduk yang berada dalam zon bahaya.

Pada Ahad, Institut Vulkanologi dan Seismologi Filipina melaporkan peningkatan gempa gunung berapi dan pelepasan gas dari Kanlaon serta mendapati struktur gunung berapi itu sedang mengembang. Institut itu memberi amaran bahawa aktiviti berkenaan berpotensi mencetuskan letusan berbahaya yang lain. - ©BERNAMA

## Herba kuno Mesir berpotensi jadi pemangkin industri moden

**FAYOUM (Mesir),** 16 Dis. - Helmy Mahmoud, seorang petani berusia 72 tahun, dengan penuh komited menguruskan tanaman herba perubatannya di Gabenorat Fayoum, hab pertanian botani yang semakin berkembang di Mesir.

Di ladangnya seluas 50 ekar, aroma chamomile dan pudina menyelubungi udara, mencerminkan kesuburan tanah Fayoum yang terletak di selatan ibu kota Kaherah.

Fayoum kini berkembang menjadi pusat pengeluaran herba perubatan, dengan eksport merentasi benua. "Kami berkait rapatdengan tradisi kuno ini, yang kini membuka lembaran masa depan yang cerah," kata Mahmoud kepada Xinhua sambil menyentuh lembut daun pudina dan chamomile.

Mahmoud, yang mewarisi profesion ini daripada nenek moyangnya, menanam pelbagai jenis herba seperti jintan manis, moringa, serai, pudina, wormwood dan adas manis.

Beliau menekankan keperluan khusus bagi penanaman herba perubatan dan aromatik, termasuk penjagaan rapi dan amalan pertanian organik.

Mahmoud turut menyoroti pasaran yang kukuh bagi herba perubatan dan aromatik, dengan ratusan syarikat aktif membeli, memproses dan menjual hasil tanaman ini di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Pulangan kewangan yang lumayan telah mendorong peningkatan ketara dalam penanaman herba di wilayah Fayoum, tambahnya.

Ramai petani beralih daripada tanaman tradisional seperti sayur-sayuran dan semanggi kepada herba aromatik yang lebih menguntungkan.

Peralihan itu sejajar dengan visi kebangsaan Mesir untuk pembangunan mampan. Strategi Pembangunan Pertanian Mampan 2030 yang dikemas kini, sebagai tonggak utama Wawasan Mesir 2030, merangkumi projek kebangsaan khusus untuk mengembangkan penanaman dan pengeluaran tumbuhan bernilai tinggi ini.

Kini 125,000 ekar tanah diperuntukkan untuk sektor yang sedang berkembang pesat ini. Namun, Mesir menyasarkan untuk menggandakan jumlah itu kepada 250,000 ekar menjelang 2030, menurut Majlis Eksport Pertanian Mesir (AEC), sebuah organisasi bukan berasaskan keuntungan.

Perkembangan ini akan didorong oleh projek pembangunan luar bandar, pelaburan sektor swasta dan perkongsian strategik dengan perniagaan.

Mesir kini mengeksport kira-kira 85 peratus daripada pengeluaran tumbuhan perubatan dan aromatiknya, menghasilkan hampir US$200 juta setiap tahun, menurut statistik AEC.

Herba dan rempah ratus Mesir kini menjangkau lebih 100 negara. Daripada daun kering dan bunga segar hingga minyak pati dan pes wangi, produk ini boleh didapati di rumah, farmasi dan kilang minyak wangi di seluruh dunia.

"Jintan, anise, adas, jintan manis, dan pudina adalah antara jenis yang paling mendapat permintaan," kata Mohamed Shaaban, pengurus sebuah syarikat eksport herba perubatan yang berpangkalan di Fayoum.

"China adalah pasaran utama saya, terutamanya untuk eksport adas," kata Shaaban kepada Xinhua sambil menambah bahawa beliau sedang berusaha mengembangkan kehadiran syarikatnya di China dengan memperkenalkan pelbagai lagi tumbuhan botani Mesir. Selain itu, Shaaban juga membangunkan saluran import untuk membawa herba perubatan dari China seperti kayu manis dan halia ke pasaran Mesir. - ©BERNAMA

## Jutaan rakyat Australia diingatkan bersedia hadapi panas melampau, risiko kebakaran

**SYDNEY**, 16 Dis. - Jutaan penduduk di tenggara Australia telah diingatkan untuk bersiap sedia menghadapi cuaca panas melampau dan risiko kebakaran, lapor Xinhua.

Suhu di seluruh negeri Victoria, negeri kedua paling padat penduduk di Australia, serta di beberapa kawasan di Australia Selatan, dijangka melebihi 40 darjah Celsius pada Isnin, sehingga mencetuskan amaran kecemasan meluas.

Di Melbourne, ibu negeri Victoria, suhu diramalkan mencecah 41 darjah Celsius, menjadikannya hari Disember paling panas di bandar itu sejak 2019.

Larangan kebakaran menyeluruh telah diisytiharkan di kebanyakan kawasan di Victoria dan pihak berkuasa pemadam kebakaran di seluruh negeri berada dalam keadaan berjaga-jaga.

Ahli meteorologi memberi amaran bahawa ribut kilat kering boleh meningkatkan risiko kebakaran.

Jason Heffernan, Ketua Pegawai Eksekutif Country Fire Authority berkata dalam sidang media pada Ahad malam bahawa gabungan cuaca panas dan angin kering akan mencipta keadaan kebakaran yang dahsyat di kawasan barat Victoria.

"Jika kebakaran berlaku di kawasan landskap, ia akan sukar dikawal dan merebak dengan cepat," katanya.

Sebuah pesawat Boeing 737 Fireliner, yang mampu membawa dan menjatuhkan 15,000 liter air atau bahan kalis api, telah dikerahkan ke negeri itu.

Chris Hardman, ketua pegawai bomba dari Pengurusan Kebakaran Hutan Victoria, berkata bahawa 54 pesawat pemadam kebakaran telah dipindahkan ke seluruh negeri untuk memastikan ia berada dekat dengan kawasan berisiko tinggi.

Kerajaan negeri mengeluarkan amaran kesihatan berhubung cuaca panas, menasihati orang ramai supaya kekal di dalam rumah dan menggesa mereka memeriksa keadaan golongan yang paling berisiko, termasuk warga emas. - ©BERNAMA

## Ratusan dikhuatiri maut Taufan Chido landa pulau Perancis Mayotte

**PARIS,** 16 Dis. - Ratusan orang dipercayai maut di wilayah Perancis, Mayotte, selepas Taufan Chido melanda kepulauan di Lautan Hindi.

Prefek François-Xavier Bieuville memberitahu stesen radio Mayotte la 1ere bahawa tiada angka korban rasmi setakat ini, sehari selepas ribut itu membadai pulau itu.

Namun, beliau berkata, "Saya fikir jumlahnya pasti ratusan," sambil menambah bahawa angka korban mungkin mencecah ribuan, lapor agensi berita Jerman (dpa).

Lebih 250 orang cedera dalam ribut itu, yang turut melanda Madagascar dan Mozambique. - ©BERNAMA

## Presiden Brazil Lula dibenar keluar hospital selepas pembedahan pendarahan otak

**RIO DE JANEIRO,** 16 Dis. - Presiden Brazil Luiz Inacio Lula da Silva dibenarkan keluar dari hospital selepas menjalani pembedahan akibat pendarahan otak.

"Keadaan beliau stabil, berjalan, makan dan bercakap seperti biasa. Beliau melalui fasa pasca pembedahan yang sangat baik, sejajar dengan jangkaan," kata Doktor Roberto Kalil pada sidang akhbar di Sao Paulo pada Ahad, hampir seminggu selepas prosedur itu dilakukan di Hospital Syria-Lebanon di bandar itu.

Presiden berusia 79 tahun itu akan kekal di Sao Paulo sehingga sekurang-kurangnya Khamis untuk pemantauan lanjut. Beliau hanya dibenarkan melakukan aktiviti fizikal terhad selama 15 hari tetapi boleh bekerja seperti biasa dari rumah, menurut doktornya, lapor agensi berita Jerman (dpa).

Lula diperiksa di Brasilia pada malam Isnin selepas mengadu sakit kepala. Imbasan MRI menunjukkan pendarahan otak yang berpunca daripada kemalangan pada 19 Okt lepas.

Beliau kemudian dipindahkan ke unit lain di hospital yang sama di Sao Paulo, yang beliau menjalani kraniotomi untuk mengeluarkan hematoma.

Presiden itu yang tampil di hadapan media dengan memakai topi ketika keluar dari hospital, berkata beliau berasa sihat. "Saya masih hidup, tidak mengalami sebarang kecederaan serius dan bersedia untuk bekerja...Saya ada banyak kerja yang menanti."

Pada Oktober, Lula mengalami luka di kepalanya yang menyebabkan beliau membatalkan penyertaan dalam Sidang Kemuncak BRICS di Kazan, Rusia. - ©BERNAMA

BERITA GLOBAL

# AMARAN TSUNAMI DIKELUARKAN SELEPAS GEMPA BUMI MAGNITUD 7.3 LANDA VANUATU

**MOSCOW**, 17 Dis. - Gempa bumi berukuran 7.3 magnitud direkodkan di luar pantai negara kepulauan Pasifik, Vanuatu dan amaran tsunami telah dikeluarkan, lapor Sputnik/RIA Novosti.

Menurut Kajian Geologi Amerika Syarikat (USGS), gempa bumi berlaku pada 0147 GMT kira-kira 30 kilometer ke barat ibu negara Vanuatu, Port Vila yang mempunyai populasi kira-kira 36,000 orang.

Pusat gempa bumi itu terletak pada kedalaman 43 kilometer. Pada awalnya, gempa bumi dilaporkan berukuran 7.4 magnitud, tetapi kemudiannya dikurangkan.

Pentadbiran Lautan dan Atmosfera Kebangsaan AS (NOAA) melaporkan bahawa berdasarkan parameter awal, gelombang tsunami mungkin berlaku untuk garis pantai yang terletak sehingga 300 kilometer dari pusat gempa.

Tiada laporan mengenai kemungkinan kematian atau kerosakan akibat gempa bumi itu. - ©BERNAMA

# California tarik balik lebih banyak produk susu mentah

**LOS ANGELES**, 17 Dis. - Negeri California di Amerika Syarikat (AS) telah menarik balik susu mentah yang dihasilkan dan dibungkus oleh Valley Milk Simply Bottled, sebuah syarikat tenusu tempatan yang berpangkalan di Stanislaus County, berikutan pengesanan virus selesema burung.

Perintah penarikan balik itu dibuat selepas virus Influenza-A H5N1 (selesema burung) dikesan dalam sampel yang diambil daripada tangki pukal susu mentah di ladang tenusu Valley Milk Simply Bottled, menurut kenyataan Jabatan Makanan dan Pertanian California (CDFA), lapor Xinhua.

Perintah itu melibatkan semua produk "Valley Milk Simply Bottled Raw Cow Milk" dan "DESI Milk Raw Cow Milk" yang diedarkan dalam botol plastik bersaiz satu liter, setengah gelen dan satu gelen dengan tarikh kod tertera pada bekas dari 23 Disember 2024 hingga 30 Disember 2024.

CDFA menggesa pengguna agar tidak meminum produk yang masih terdapat dalam peti sejuk mereka. Setakat ini, tiada penyakit dilaporkan di negeri berkenaan.

Bulan lepas, California turut menarik balik susu mentah daripada Raw Farm, LLC di Fresno County kerana pengesanan virus selesema burung.

Meminum susu mentah yang mengandungi virus selesema burung boleh menyebabkan jangkitan virus selesema yang jarang berlaku ini.

Gejala jangkitan selesema burung pada manusia termasuk mata merah atau berair, batuk, sakit tekak, hidung berair atau tersumbat, cirit-birit, muntah, sakit otot atau badan, sakit kepala, keletihan, kesukaran bernafas dan demam. - ©BERNAMA

# Meta kemas kini cermin mata pintar dengan fungsi "Live AI"

**SAN FRANCISCO**, 17 Dis. - Meta pada Isnin mengumumkan beberapa peningkatan baharu yang dikuasakan oleh teknologi kecerdasan buatan (AI) bagi cermin mata pintar Ray-Ban Meta, termasuk keupayaan untuk berbual secara berterusan dan menterjemah bahasa.

Dengan kemas kini terbaharu, Meta menjadi antara syarikat teknologi pertama yang memperkenalkan video AI masa nyata pada cermin mata pintar.

Pemilik Ray-Ban Meta dalam program akses awal Meta untuk Amerika Syarikat dan Kanada kini boleh memuat turun firmware v11, yang memperkenalkan ciri "Live AI", menurut syarikat itu.

Firmware v11 turut memperkenalkan terjemahan langsung, membolehkan pemakai Ray-Ban Meta menterjemah ucapan secara masa nyata antara bahasa Inggeris dengan Sepanyol, Perancis, atau Itali.

Ketika berbual dengan seseorang yang bercakap dalam Bahasa berkenaan, pemakai akan mendengar terjemahan dalam bahasa Inggeris melalui pembesar suara pada cermin mata, sambil mendapatkan transkrip di telefon pintar yang dipadankan.

Pertama kali diperkenalkan pada musim gugur ini, AI secara langsung membolehkan pemakainya terus bercakap dengan pembantu AI Meta, Meta AI bagi merujuk perkara yang mereka bincangkan sebelum ini dalam perbualan.

Ciri "Live AI" juga berfungsi dengan video masa nyata, membolehkan pemakai bertanya soalan mengenai apa yang sedang mereka lihat secara langsung. - ©BERNAMA

# FIFA lakukan kejutan akan umum pemenang anugerah terbaik pada Selasa

**BERLIN,** 17 Dis. - Persekutuan Persatuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) mengumumkan bahawa pemenang Anugerah Terbaik termasuk Pemain Terbaik Dunia akan diumumkan pada Selasa, menerusi kenyataan mengejut oleh badan induk pentadbir bola sepak itu, lapor agensi berita Jerman dpa.

Dengan hanya notis sehari, FIFA pada Isnin menyatakan bahawa pemenang akan diumumkan dalam satu acara khas di ibu negara Qatar, Doha, yang akan disiarkan secara langsung.

Real Madrid dan kelab Mexico CF Pachuca dijadualkan bertemu dalam pertandingan baharu, Piala Antara Benua FIFA, di Qatar pada Rabu sempena ulang tahun final Piala Dunia 2022 yang diadakan di negara itu. Sementara itu, Piala Dunia Kelab FIFA yang diperluas akan berlangsung pada Jun depan.

Menurut kenyataan FIFA, majlis makan malam itu akan dihadiri beberapa "tetamu kenamaan" termasuk Presiden FIFA, Gianni Infantino.

Dalam kategori Pemain Terbaik Dunia Lelaki, antara calon pilihan adalah pemain Sepanyol, Rodri, yang juga juara Eropah dan telah memenangi Ballon d'Or, serta bintang Real Madrid dari Brazil, Vinícius Júnior.

Bagi kategori jurulatih terbaik pasukan lelaki, pengendali Bayer Leverkusen, Xabi Alonsoi, tersenarai sebagai calon.

Pemenang kategori wanita turut akan diumumkan, dengan bintang Sepanyol dan Barcelona, Aitana Bonmatí, berpeluang memenangi anugerah itu buat kali kedua berturut-turut.

Pemenang bagi setiap anugerah diputuskan melalui sistem undian seimbang yang melibatkan peminat (melalui undian dalam talian), kapten dan jurulatih semasa semua pasukan kebangsaan wanita dan lelaki, serta wakil media. - ©BERNAMA

# Kereta api berkelajuan tinggi pertama hubungkan Berlin-Paris mulakan perjalanan

**BERLIN,** 17 Dis. - Kereta api ekspres pertama dalam perkhidmatan baharu yang menghubungkan Berlin dan Paris memulakan perjalanan dari ibu kota Jerman itu pada Isnin, lapor agensi berita Jerman (dpa).

Kereta api itu bertolak dari stesen utama Berlin sejurus selepas tengah hari (1100 GMT) dan dijangka tiba di ibu kota Perancis kira-kira lapan jam kemudian pada pukul 7.55 malam selepas berhenti di Frankfurt, Karlsruhe, dan Strasbourg.

Ketua Pegawai Eksekutif Deutsche Bahn, pengendali kereta api kebangsaan Jerman, Richard Lutz, Menteri Pengangkutan Volker Wissing, dan Duta Perancis ke Jerman, François Delattre turut hadir menyaksikan detik bersejarah itu.

"Kerjasama erat Jerman-Perancis adalah tulang belakang kepada Eropah yang bersatu. Hubungan langsung baharu antara Berlin dan Paris ini menjadi simbol kerjasama itu," kata Lutz dalam satu kenyataan.

Delattre menyatakan perkhidmatan baharu ini mengukuhkan hubungan erat antara Perancis dan Jerman serta merapatkan lagi rakyat kedua-dua negara.

Wissing pula berkata, "Ia tentang pertemuan, pertukaran, penyatuan dan persefahaman bersama. Ia adalah tentang persahabatan yang direalisasikan."

Perkhidmatan baharu ini dikendalikan secara kerjasama antara Deutsche Bahn dan SNCF Voyageurs, anak syarikat kereta api kebangsaan Perancis, SNCF.

Tiket ditawarkan pada harga bermula daripada US$63 dan mendapat sambutan yang tinggi, menurut Deutsche Bahn.

Sebelum ini, Berlin dan Paris hanya dihubungkan secara langsung melalui perkhidmatan kereta api malam yang memakan masa sekitar 14 jam perjalanan. - ©BERNAMA

# Kes mpox di Uganda melebihi 1,000, enam kematian dilaporkan

**KAMPALA**, 17 Dis. - Jumlah kumulatif kes mpox yang disahkan di Uganda melebihi angka 1,000, dengan enam kematian direkodkan sejak wabak itu diisytiharkan lima bulan lalu di negara terbabit, menurut Kementerian Kesihatan Uganda pada Isnin.

Sebanyak 17 kes baharu dilaporkan dalam tempoh 24 jam lalu, menjadikan jumlah keseluruhan kepada 1,044 kes di 57 daripada 146 daerah di Uganda sejak kes pertama dikesan pada Ogos, lapor Xinhua memetik laporan yang dikeluarkan kementerian itu.

Sekurang-kurangnya 10 kes baharu dicatatkan di Kampala, menjadikannya kawasan paling teruk terjejas.

Kementerian Kesihatan memaklumkan bahawa mesej kesedaran awam mengenai penyakit ini telah disiarkan di 45 stesen radio dan empat saluran TV di seluruh negara.

Dengan sokongan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan rakan kongsi yang lain, Uganda telah mempergiat langkah pencegahan termasuk meningkatkan pemantauan, pengurusan kes, komunikasi risiko dan penglibatan komuniti, serta kempen kesedaran awam untuk membendung penularan virus berkenaan. - ©BERNAMA

# Mpox: 4 kes varian baharu dilaporkan di Jerman

**BERLIN**, 17 Dis. - Pihak berkuasa Jerman pada Isnin melaporkan empat kes varian baharu Clade Ib virus mpox, termasuk dua jangkitan melibatkan kanak-kanak dalam sebuah komuniti di barat negara itu berhampiran Cologne.

Kes pertama disahkan selepas seorang ahli keluarga melakukan perjalanan ke Afrika. Ujian lanjut mendapati virus itu turut menjangkiti tiga ahli keluarga lain, menurut kenyataan media daripada komuniti berkenaan. Keluarga itu kini sedang menjalani kuarantin, lapor Xinhua.

Sebagai langkah berjaga-jaga, bilik darjah di sekolah yang dihadiri dua kanak-kanak yang dijangkiti itu telah ditutup, dan pelajar akan mengikuti pembelajaran dalam talian sehingga Jumaat.

Jerman mencatatkan kes pertama varian Clade Ib pada Oktober lepas. Tiada kematian berkaitan mpox dilaporkan di negara itu setakat ini. - ©BERNAMA

# Import beras Indonesia meningkat 62 peratus dalam 11 bulan

**JAKARTA,** 17 Dis. - Indonesia mengimport 3.85 juta tan beras dari Januari hingga November tahun ini, meningkat 62 peratus berbanding tempoh sama tahun lepas, lapor Xinhua memetik Statistik Indonesia (BPS) pada Isnin.

Nilai import beras itu berjumlah US$2.36 bilion, meneruskan trend peningkatan sejak 2022 apabila nilai import direkodkan sebanyak US$0.15 bilion. Pada 2023, nilai import beras dicatatkan sebanyak US$1.45 bilion.

"Import beras tahun ini kebanyakannya dari Thailand dengan jumlah 1.19 juta tan, diikuti Vietnam sebanyak 1.12 juta tan, Myanmar 663,410 tan, Pakistan 642,140 tan, dan India 205,800 tan," kata Pemangku Ketua BPS, Amalia Adininggar Widyasanti, dalam satu sidang media.

Indonesia berdepan cabaran memastikan bekalan beras domestik mencukupi berikutan kegagalan hasil tuaian yang disebabkan oleh fenomena El Nino tahun ini.

Bagaimanapun, Kerajaan Indonesia baru-baru ini menetapkan sasaran untuk menghasilkan 32 juta tan beras tahun depan bagi mencapai kecukupan bekalan makanan kendiri. - ©BERNAMA

ePaper Pelita Brunei

# PERLAWANAN BADMINTON ERATKAN SILATURAHIM

**Berita dan Foto : Ihsan Badminton Veteran Bengkurong Community**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 16 Disember. – Kelab Badminton North Borneo Sport Club (NBSC) dari Sabah yang diketuai oleh Yang Berbahagia Datuk Haji Johari bin Mohd Don telah berkunjung ke Negara Brunei Darussalam bagi mengadakan perlawanan kedua dengan Pasukan Badminton Veteran Bengkurong Community (BVBC).

Perlawanan berkenan telah diadakan di Dewan Kemasyarakatan Mukim Kilanas, baru-baru ini.

Pasukan BVBC diketuai oleh Awang Haji Mohd Alidin bin Haji Kura.

Tujuan perlawanan tersebut adalah bagi mengeratkan lagi silaturahim sesama mereka.



**KELAB Badminton North Borneo Sport Club (NBSC) dari Sabah semasa berkunjung ke Negara Brunei Darussalam bagi mengadakan perlawanan kedua dengan Pasukan Badminton Veteran Bengkurong Community (BVBC).**

# BDNJF anjur Interclub Tournament






**PERSEKUTUAN Judo Kebangsaan Brunei Darussalam (BDNJF) semasa mengadakan Interclub Tournament di Dewan Sukan Sekolah Sukan, baru-baru ini (kiri dan bawah kiri).**

**Berita dan Foto : Ihsan Persekutuan Judo Kebangsaan Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 16 Disember. - Persekutuan Judo Kebangsaan Brunei Darussalam (BDNJF) telah mengadakan Interclub Tournament di Dewan Sukan Sekolah Sukan, baru-baru ini.

Interclub Tournament anjuran BDNJF ini merupakan julung kali diadakan dan dibukakan tiga kategori iaitu +100 kilogram (kg), -81kg dan -66kg.

Kategori +100kg telah dimenangi oleh Amir Ridhwan Ahmad, sementara Kategori -81kg dimenangi oleh Md. Faris Zaini dan Kategori -66kg dimenangi oleh Ahmad Adam Aduka.

Objektif diadakan adalah untuk menyediakan peluang kepada penggiat judo tempatan untuk bersaing secara sihat dalam suasana pertandingan mengikut garis pandu IJF.

Persekutuan juga menggunakannya sebagai landasan untuk mengukur kebolehan ahli jawatankuasa teknikal untuk menganjur pertandingan dan juga untuk menguji perkembangan dan prestasi ahli Judo sebagai satu langkah persiapan menuju penyertaan ke Sukan SEA 2025.

BDNJF telah merancang untuk menganjur beberapa acara tempatan dan mengikut serta dalam kejohanan-kejohanan serantau pada tahun 2025 nanti.